Think Science . Celebrate Technology . Inspire Innovation

Laporan Tahunan 2014 Annual Report

Laporan Tahunan 2014 Annual Report

Think Science . Celebrate Technology . Inspire Innovation





Kandungan

4
Misi & Visi

6
Prakata

8
Titipan dari Presiden

13
Menasihati Penggubal Dasar

41
Memperkasa Komuniti Saintifik

57
Wacana

61
Keahlian

67
Perancangan Hadapan

141
Laporan Kewangan

157
Lampiran

Kami berusaha untuk

Menjadi Badan Pemikir yang diiktiraf bagi isu berkaitan sains, kejuruteraan, teknologi dan inovasi.
Memupuk kecemerlangan dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi untuk kebaikan masyarakat keseluruhannya.

Misi

Menjadi peneraju pemikir

Menjadi Badan Penasihat *Apex* dalam hal berkaitan STI

Menjadi penggalak yang efektif terhadap kesedaran dan pemahaman awam tentang STI

Menjadikan STI sebagai asas bagi pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat

Fungsi

Menasihati Kerajaan berkenaan hal STI yang berkepentingan kepada negara dan antarabangsa

Memupuk budaya kecemerlangan S&T di Malaysia

Membantu meningkatkan kapasiti teknologi sektor industri di Malaysia

Menggalakkan kesedaran dan pemahaman umum mengenai kepentingan STI dalam kehidupan seharian

Menjalin jaringan dan kerjasama antarabangsa

Penerbitan saintifik

Strategi

Memanfaatkan pemikiran saintifik untuk menentukan hala tuju STI negara

Memupuk budaya kecemerlangan STI

Memberikan input STI yang berwibawa dan tepat pada masanya

Menggalakkan penggunaan sains untuk kesejahteraan rakyat

Memudahcara pelaksanaan strategi ekonomi berasaskan inovasi

Menggalakkan penggunaan STI bagi pembangunan luar bandar

Aktiviti kami

Kajian Strategik STI

- Malaysia 2050
- Imbasan Horizon
- Penjelmaan Teknologi Baru
- Kelestarian Sains

Program Strategik STI

- Pembangunan Modal Insan
- Pengantara
- Konsortium Sains
- Fora perundingan

Pihak Berkepentingan

Dalaman

- Felo
- *Associates*
- *Young Scientists Network (YSN-ASM)*
- Pengurusan ASM

Luaran

- Jabatan Perdana Menteri dan Agensi Pusat
- MOSTI dan agensinya
- Kementerian lain dan agensi berkaitan
- Industri
- Institusi penyelidikan
- Institusi pengajian tinggi
- Badan profesional S&T
- Organisasi antarabangsa STI
- Komuniti bandar dan luar bandar

4 teras Piagam Pelanggan

1. Memberi khidmat nasihat yang bebas, boleh dipercayai berasaskan data yang tepat pada masanya
2. Komited dalam mewujudkan program yang berkualiti ke arah pembangunan asas STI negara yang kukuh
3. Mewakili Malaysia dan komuniti saintifiknya di arena antarabangsa
4. Menyebarkan pengetahuan saintifik

Prakata

Akademi Sains Malaysia (ASM) sebagai badan pemikir negara telah menunjukkan pencapaian yang membanggakan dalam kemajuan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) di Malaysia. ASM melengkapi peranan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebagai pemacu agenda STI ke arah penjanaan ilmu, kekayaan dan kesejahteraan rakyat.

Cetusan idea baru merupakan proses yang penting dalam meneraju negara ke arah mencapai kecemerlangan STI. Kementerian menerusi ASM memenuhi keperluan ini dengan pelaksanaan kajian yang mampu mengenal pasti peluang S&T untuk menjana pertumbuhan ekonomi dan berdaya saing di peringkat antarabangsa. Kajian Tinjauan Masa Hadapan dan penanda aras dijalankan secara berkala bagi memastikan inisiatif STI negara kekal relevan.

STI memainkan peranan strategik ke arah meningkatkan keupayaan teknologi dalam sektor perindustrian, justeru Kementerian menghargai usaha Akademi dalam menghasilkan Rangka Tindakan dan Pelan Pembangunan bagi menyokong inisiatif ini. ASM selaku titik tumpu komuniti saintifik negara bertindak sebagai medium di antara saintis Malaysia, badan saintifik dan pusat kecemerlangan antarabangsa sekaligus membuka peluang pendedahan dan kerjasama yang diperlukan.

Oleh itu, saya yakin bahawa ASM akan terus menyumbang kepakaran melalui ahli dan rangkaiannya ke arah pembentukan sebuah negara, yang bukan sahaja maju, berdaya saing dan inovatif, malahan lestari dan inklusif.



YB Datuk Dr Ewon Ebin
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi



> “Cetusan idea baru merupakan proses yang penting dalam meneraju negara ke arah mencapai kecemerlangan STI.”

Prakata



Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) merupakan Kementerian yang bertanggungjawab dalam menggubal dasar dan meneroka bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) untuk pembangunan negara dan rakyat. Daripada 28 buah Agensi di bawah MOSTI, Akademi Sains Malaysia (ASM) merupakan satu-satunya badan berkanun yang memainkan peranan sebagai badan pemikir STI negara. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada ASM kerana sekali lagi berjaya melaksanakan aktiviti-aktiviti STI sepanjang tahun 2014 seperti yang dilaporkan melalui Laporan Tahunan Ini.

MOSTI sebagai sebuah kementerian yang menerajui isu-isu berkaitan STI sentiasa meninjau bidang baru yang boleh diteroka dan berpotensi untuk dimajukan. Aktiviti ASM seperti program Kajian Strategik STI 2014 merangkumi sektor Infrastruktur, Perumahan, Pengangkutan, Elektrik dan Elektronik, Alam Sekitar, Air dan Tenaga dilihat memenuhi keperluan ini.

Kajian ini melibatkan pelbagai pihak seperti penggubal dasar, penyelidik, akademik, industri dan badan profesional STI bagi memastikan Negara sentiasa berada di hadapan dalam kemajuan sains.

Sebagai usaha berterusan meningkatkan keupayaan masyarakat saintifik negara terutamanya golongan saintis muda, ASM menjalankan pelbagai program strategik STI antaranya program pertukaran saintifik, jaringan kerjasama, pengiktirafan kecemerlangan dan sains komunikasi. Para saintis ini merupakan aset bernilai bagi memacu negara dalam mencapai status negara maju pada masa hadapan.

Tahniah kepada ASM atas aktiviti kajian dan program strategik yang mampu mendukung cita-cita negara ke arah kecemerlangan bidang STI. Semoga usaha ini dapat diteruskan dan MOSTI terus memainkan peranan berkesan di arena nasional dan antarabangsa, seterusnya meletakkan Malaysia setaraf dengan negara-negara maju.

> **“MOSTI sebagai sebuah kementerian yang menerajui isu-isu berkaitan STI sentiasa meninjau bidang baru yang boleh diteroka dan berpotensi untuk dimajukan.”**



Dato’ Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur
Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Titipan dari Presiden

Akademi Sains Malaysia (ASM) mengambil serius peranannya sebagai 'Peneraju Pemikir" dalam bidang sains, teknologi dan inovasi (STI) dan menerimanya sebagai satu tanggungjawab yang besar kepada rakyat dan negara. Segala hasil kerja dan aktiviti yang telah dilaksanakan, sejajar dengan bidang fokus dan aspirasi ASM, dititipkan di dalam Laporan Tahunan ini. Melalui aktiviti yang dijalankan, ianya membuktikan komitmen dalam menerajui kemajuan dan kecemerlangan STI demi pembangunan negara dan persaingan global.

ASM merealisasikan misi ini dengan melaksanakan kajian strategik STI serta program yang menggembleng pelbagai tenaga pakar, bukan sahaja di ASM tetapi juga menerusi jaringan kerjasama dengan rakan strategik antarabangsa. Kini, pada usia ASM yang menginjak ke 20 tahun sejak penubuhannya pada tahun 1995, sebagai Badan Berkanun di bawah Akta Parlimen, ASM telah mengorak jauh dalam menjadi suara utama bagi sains di Malaysia.

Felo dan Jaringan Pakar

Rangkaian tenaga pakar di bawah naungan ASM kini semakin berkembang, dengan 24 orang Felo Kanan, 234 orang Felo, 43 orang Associates, 57 orang ahli Young Scientists Network (YSN-ASM) dan 96 orang Top Research Scientists Malaysia (TRSM). Sumbangan dan komitment mereka yang tidak berbelah bagi adalah amat berharga dan merupakan faktor utama kejayaan pelbagai kajian strategik, program dan aktiviti ASM.

Tahun ini juga merupakan suatu tahun yang sangat bermakna bagi ASM dengan penganugerahan Felo Kehormat kepada YAB Perdana Menteri. Pemilihan beliau sebagai ahli ASM telah meningkatkan bilangan negarawan dan pemimpin ulung yang menjadi peneraju sains melalui ASM.

Dua platform dialog yang disediakan untuk Felo ASM dan jaringan pakar iaitu General Assembly dan IdeaXchange semakin mendapat perhatian. Kedua-dua platform ini berfungsi sebagai saluran untuk penjanaan idea ASM menerusi dialog yang konstruktif.

Input, Nasihat dan Saranan STI

ASM berpegang teguh dalam memberikan nasihat saintifik terbaik yang bebas, berwibawa, relevan dan bertepatan dengan keperluan semasa. Sejajar dengan itu, bagi tahun 2014, ASM telah mempertingkatkan usaha sebagai Badan Pemikir negara dengan menyediakan input saintifik, intelektual dan strategik yang berkualiti tinggi. Ini direalisasikan dengan proses penjanaan idea yang mantap menerusi saluran kreatif, kepelbagaian perspektif dan kepakaran. Ianya menyumbang kepada nasihat saintifik yang mengambil kira maklumbalas pelbagai sektor, tinjauan masa hadapan dan pendekatan yang merentasi sempadan disiplin konvensional.

Untuk tahun ini, ASM telah memuktamadkan sembilan kaji selidik yang merupakan keutamaan negara, manakala sembilan lagi masih dijalankan. Salah satu daripada kaji selidik utama ASM adalah Malaysia 2050 atau Kajian Mega Sains yang kini berada dalam fasa ketiga. Kaji selidik ini memberi gambaran Malaysia pada tahun 2050, yang mengambil kira elemen perubahan dari aspek sosial, ekonomi dan geopolitik serta memberikan saranan berkenaan ekosistem dan pelaburan STI yang perlu dibangunkan mengikut keutamaan untuk memastikan kejayaan negara. Kajian Mega Sains ini melihat secara menyeluruh gambaran masa hadapan yang kita inginkan dengan menekankan elemen kelestarian, perhubungan, kemakmuran, keamanan dan keharmonian yang menjamin kehidupan berkualiti untuk semua. Selain daripada itu, ianya turut membincangkan bagaimana untuk memanfaatkan STI dalam merangka masa depan yang diinginkan. Tahun ini, fasa kedua Kajian Mega Sains yang merangkumi sektor Perumahan, Infrastruktur, Pengangkutan, Elektrikal dan Electronik, dan Alam Sekitar telah disiapkan. Hasil laporan ini dibentangkan di Forum Kebangsaan Mega Sains untuk menerapkan pengaruh positif dalam penggubalan dasar, menyelaras usahasama dan mendapatkan perhatian terhadap kepentingan pelaburan STI yang strategik yang bakal dijalankan oleh pelbagai pihak berkepentingan.

ASM juga telah melancarkan laporan dwitahunan Science Outlook sebagai salah satu inisiatif utamanya untuk tahun 2014. Edisi pertama laporan tersebut mengandungi ulasan bebas berkenaan trend utama STI di Malaysia dan bakal diterbitkan dalam suku pertama tahun 2015. Science Outlook bertujuan untuk menyediakan pandangan berasaskan bukti dan perspektif baharu mengenai landskap STI Malaysia. Adalah diharapkan supaya Science Outlook dapat menjadi sumber rujukan yang berguna dalam membuat keputusan berdasarkan maklumat.

Advokasi Sains

ASM menyedari akan keperluan untuk memberikan khidmat melangkaui nasihat saintifik kepada penggubal dasar demi kepentingan tadbir urus STI yang mantap dan berdasarkan bukti, membuat keputusan berdasarkan maklumat dalam perancangan dan pengurusan STI. Dalam konteks ini, adalah penting untuk ASM melibatkan pihak berkepentingan (komuniti saintifik, akademik, pegawai kerajaan, pemimpin industri, pemimpin korporat, rakan kongsi dari organisasi dan institusi STI, pihak swasta dan orang awam) secara kreatif dan positif menerusi usaha yang dapat meningkatkan kepercayaan dan pengiktirafan, sekaligus meningkatkan pengaruh dan kesan bagi inisiatif dan aktiviti ASM.

Tahun ini telah menyaksikan ASM mengorak langkah dalam melaksanakan inisiatif ke arah keterlibatan dinamik dengan individu berkepentingan, kementerian, organisasi dan media. Selain daripada memajukan kertas cadangan ASM melalui platform rasmi kerajaan dan antarabangsa, ASM turut menggunakan rangkaian kerjasama Felo dan rakan strategik untuk memaksimumkan capaian ASM.

Sejajar dengan langkah Malaysia ke arah pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan, tahun ini menyaksikan pelancaran Pelan Pembangunan "Establishment of Rare Earth-Based Industries in Malaysia — A Strategic New Source for Economic Growth". ASM yakin bahawa elemen nadir bumi dapat menjadi asas kepada pertambahan nilai kebanyakan industri hiliran bawah, terutamanya industri yang menyumbang kepada ekonomi hijau negara. Selain itu, Pelan Pembangunan ini memberikan panduan penubuhan dan pembangunan industri berasaskan nadir bumi di Malaysia dalam sektor hiliran atas, pertengahan dan bawah. Ia juga merangkumi usaha mengenalpasti pembangunan kapasiti yang diperlukan. Penubuhan industri berasaskan nadir bumi ini akan memacu agenda ekonomi hijau Malaysia ke hadapan.

Pengukuhan Kapasiti dan Keupayaan STI

Landskap sosioekonomi seluruh dunia kini sedang ditakrifkan semula menerusi globalisasi dan kebangkitan ekonomi berorientasikan inovasi. Antara cabaran utama yang dihadapi adalah seperti perubahan iklim, sekuriti tenaga, sekuriti makanan, sekuriti air dan sekuriti siber jelas memacu perubahan.

"Dalam usaha untuk mengekalkan daya saing di antara negara, perdagangan dan individu, kita perlu mendalami ilmu, membina jalinan kerjasama, membangun dan menggunakan bakat STI secara berkesan, bagi meningkatkan keupayaan saintifik dan teknologi negara."

ASM sentiasa berusaha menangani isu-isu utama negara dari perspektif STI. Salah satu contoh pencapaian cemerlang adalah kajian sektor air ASM yang telah dijalankan sejak tahun 2008, yang kini diiktiraf dan mendapat perhatian kebanyakan pihak berkepentingan daripada kementerian dan agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan dalam dan luar negara. Kejayaan ini adalah merupakan susulan daripada Laporan Nasihat sektor air yang komprehensif yang berkeupayaan untuk menarik perhatian dan penglibatan pelbagai disiplin yang merentasi sektor kepakaran dari dalam dan luar negara, kepada platform perundingan umum.

Kajian ini telah diselia oleh Jawatankuasa Air ASM yang berdedikasi. Dengan mengguna pakai Integrated Water Resources Management (IWRM) sebagai teras utama dan atas sebab-sebab keperluan penggunaan yang praktikal di Malaysia, Jawatankuasa ini telah membahagikan IWRM kepada sebelas subtema yang berasingan. Seterusnya, setiap subtema ini dikaji lebih lanjut dan dimuktamadkan dalam pembentangan pelan strategi atau laporan nasihat bagi pertimbangan dan penerimaan pihak berkuasa yang berkenaan atau agensi yang bertanggungjawab untuk pelaksanaannya. Kajian ke atas tujuh subtema telah selesai, manakala lima lagi masih diteruskan.



Membangunkan Bakat STI

Antara amanat yang didukung ASM adalah untuk mewujudkan tenaga kerja saintifik negara yang jitu, pelbagai dan mampan. Oleh itu, pendidikan sains telah menjadi fokus utama ASM dan tanggungjawab ini digalas oleh Jawatankuasa Pendidikan Sains yang komited.

Kajian kes ke atas Inquiry Based Science Education (IBSE) telah dijalankan atas keprihatinan ASM tentang tahap pencapaian Malaysia dalam bidang sains, seperti yang ditunjukkan dalam keputusan Programme for International Student Assessment (PISA) 2009 dan 2012. Kajian ini bertujuan untuk meneliti kebolehlaksanaan IBSE sebagai inisiatif ke arah meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sains di sekolah rendah, serta pemahaman pelajar terhadap matapelajaran sains. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa ia diterima secara positif dari pihak guru dan murid, yang mana memberikan asas yang kukuh supaya IBSE diterima pakai sebagai cara untuk memajukan pendidikan sains. Laporan kajian akan dibentangkan kepada Kementerian Pendidikan (MOE) pada tahun 2015.

ASM memberikan tumpuan kepada pemupukan budaya kecemerlangan dalam STI menerusi penekanannya ke atas tiga elemen utama, iaitu bakat, perikatan dan pengiktirafan. Dalam fokus ASM terhadap perikatan strategik ke arah memupuk budaya kecemerlangan dalam STI, ASM berperanan sebagai pemudahcara pertukaran saintifik dan kerjasama dengan pusat kecemerlangan yang terkenal di dunia serta institusi STI. Tujuan inisiatif ini dijalankan adalah untuk menjadi pemangkin kepada pencapaian yang cemerlang dalam STI serta untuk membangunkan saintis Malaysia yang berkaliber tinggi dan mampu untuk memperoleh pengiktirafan antarabangsa. ASM memainkan peranan sebagai pemudahcara kerjasama di antara institusi Malaysia dengan pusat kecemerlangan yang terkemuka di dunia, yang mana bertujuan untuk membina kolaborasi penyelidikan dan program pembangunan sumber manusia yang akan menyokong usaha Kerajaan untuk membina kapasiti dan keupayaan dalam STI.

Tahun ini telah menyaksikan tujuh saintis muda berpeluang untuk menyertai Mesyuarat Tahunan Lindau bersama penerima Anugerah Nobel di Lindau, Jerman, serta program musim panas atau program sangkutan di Pusat Kecemerlangan yang terkemuka seperti European Organization for Nuclear Research (CERN). Selain daripada itu, National Centre for Particle Physics (NCPP) yang merupakan sebahagian daripada program International Research Consortium ASM, yang ditubuhkan pada tahun 2013, telah berkembang dengan baik tahun ini. Melalui NCPP, para penyelidik dalam bidang fizik zarah telah mula bekerjasama di peringkat antarabangsa. Sehubungan dengan itu, saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa pemasangan sistem pengkomputeran berprestasi tinggi di UM sedang dijalankan untuk memuat turun data daripada pusat penyelidikan CERN.

Fora Antarabangsa

Kekuatan dan pengaruh ASM terhasil daripada jaringan dan hubungan antarabangsa yang meluas. Menyedari akan hal ini, ASM telah mengendalikan pelbagai program pertukaran dua hala dan memudahcara beberapa kerjasama penyelidikan antarabangsa.

Selain daripada itu, ASM turut mengambil perhatian akan kemajuan yang pesat dalam penyelidikan saintifik terhadap isu kelestarian global dan pembasmian kemiskinan dalam konteks Asia. Dalam menangani isu yang kian mendesak ini, ASM telah menganjurkan persidangan antarabangsa 'Science Council of Asia (SCA)', yang bertemakan 'Future Earth'.

"Melihat kepada perjalanan ASM pada tahun ini, saya yakin bahawa ASM telah mengorak langkah ke hadapan dan berada di landasan yang tepat dalam meningkatkan keterlihatan, pengaruh dan impak. Dalam menterjemahkan etos kami, 'Think Science, Celebrate Technology and Inspire Innovation', kami telah berkembang bukan sahaja dalam jumlah penghasilan kajian strategik dan program yang dijalankan, malahan juga meningkatkan skala penglibatan pihak berkepentingan serta memperbanyakkan platform hebahan hasil kerja ASM."

Penghargaan

ASM amat menghargai sokongan dan kerjasama Kementerian, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, institut penyelidikan, sektor industri dan korporat yang menjadi rakan kolaborasi ASM dalam mengemukakan dapatan yang positif serta berimpak menerusi pelbagai platform perhubungan. Adalah mustahil untuk kepimpinan ASM melalui Felonya menjayakan aktiviti ASM tanpa kerjasama dan kolaborasi yang signifikan daripada semua pihak.

Saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua Pengerusi dan ahli Jawatankuasa ASM, Badan Bertindak dan Kumpulan Kerja yang menyumbangkan masa dan kepakaran mereka tanpa jemu. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada warga Kerja ASM yang tekun dan berdedikasi dalam melaksanakan aktiviti ASM.

Perancangan Hadapan

Penguasaan dalam STI adalah kunci kepada kejayaan masa hadapan Malaysia. Oleh yang demikian, adalah penting untuk kita bertindak sekarang dan seterusnya berada di landasan yang betul demi manfaat STI pada masa akan datang. Saya menyedari akan tanggungjawab besar yang perlu digalas dan amat mengalu-alukan kolaborasi dengan anda dalam menjayakan peranan dan tanggungjawab ASM, serta memenuhi harapan semua pihak terlibat.

Bersama, kita mampu melakukan perubahan!



Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali FASc

“There are 3 things we need to do in achieving fast the aspirations of 2020. Firstly, we need to wake up and overcome our inner enemies - fear and doubt. Secondly, we need to be more forthcoming in our venture to become a nation of excellence. Finally, we need to take pride in our stride and work, but also be mindful in our actions and strategies that shape the future generation, of their role in continuing the aspirations of Vision 2020, whilst upholding national cultural and values that complete the identity of the new, progressive Malaysian.”

YAB Tun Dr Mahathir Mohamad
Felo Kehormat, ASM

MENASIHATI

PENGGUBAL DASAR

ASM memenuhi keperluan untuk satu rangka kerja yang mantap, bersepadu yang merangkumi kapasiti S&T, sumber dan ekosistem tempatan. Rangka kerja ini membolehkan ASM memberi khidmat nasihat kepada kerajaan khususnya dalam penerokaan kelestarian sains, ramalan tahap pembangunan Malaysia pada 2050 dan mengenalpasti penjelmaan teknologi baru.

Agenda Mega Sains

Malaysia 2050

Agenda Mega Sains menjangka masa depan yang kita impikan – lestari, makmur, aman, Malaysia yang progresif dan terhubung dengan rakyatnya melalui penggunaan STI secara optimum bagi memastikan pembangunan berterusan untuk 40 tahun yang akan datang. Bagi menguasai peluang STI di masa hadapan, tindakan segera perlu diambil.

Fasa kedua Kajian Mega Sains menjurus kepada lima sektor: Perumahan, Infrasruktur, Pengangkutan, Elektrik & Elektronik dan Alam Sekitar. Sektor-sektor ini mempunyai kecenderungan paling tinggi untuk pembangunan dan pertumbuhan STI yang lestari. Setiap sektor ini dibahagikan mengikut bidang tumpuan yang disokong dengan maklumat pasaran global dan data komersial yang berkaitan. Seterusnya, setiap bidang tumpuan diperincikan melalui rantaian nilai yang menjurus ke arah pemahaman dinamik yang menyeluruh.

Isu-isu yang perlu ditangani dengan segera adalah seperti berikut:

- Pewujudan data nasional bersepadu
- Perancangan nasional melangkaui 2020
- Input sains dan teknologi (S&T) dalam polisi nasional
- Hubungan antara disiplin
- Pelan tindakan menyeluruh
- Bidang tumpuan P&P dan dana
- Pekerja berpengetahuan dan berkemahiran
- Pelaksanaan, penilaian dan pemantauan

HALAMANFAKTA

Forum Nasional Mega Sains 2.0
Forum ini telah diadakan pada 6 November 2014, di mana hasil kajian daripada lima sektor telah dibentangkan oleh ketua sektor. Forum ini dihadiri oleh 268 peserta dari pelbagai kementerian, agensi, industri, pertubuhan bukan kerajaan dan badan berkanun.

Berdasarkan maklum balas hasil forum ini satu Laporan Bersepadu telah disediakan. Satu Memorandum Jemaah Menteri juga telah disediakan untuk dibentangkan kepada Kabinet.





Sektor **Perumahan**

Penempatan Penduduk Mega / Bandar Mega . Rumah Pintar, Bersih, Sihat dan Selamat Bahan dan Teknologi Bangunan Termaju

"Housing is a catalyst for socio-economic development and poverty reduction that cuts across almost every other indicator for human development. Access to adequate and affordable housing prevents injury, disease and premature death; increases household and national income; and provides socio political stability"

(UN, 2011)

Pelaburan Strategik untuk Sektor Perumahan

1 Perumahan untuk bandar padat dan 'Transit Oriented Development (TOD)'

Semua rumah perlu menggunakan teknologi hijau, mempunyai akses kepada sistem komunikasi berteknologi tinggi, kemudahan, mampu milik dan sesuai untuk pelbagai peringkat umur.

2 Sistem Rumah Pintar

Konsep RumahBestari / Komunti Bestari yang dibangunkan oleh MIMOS pada tahun 2005 perlu dikaji semula dan diperluaskan ke kawasan bandar dan luar bandar utama bagi mengurangkan penggunaan tenaga dan menyediakan kehidupan yang selesa. Aplikasi baru dalam rumah pintar ini termasuk penghasilan tenaga elektrik melalui penggunaan haba bahan buangan dan haba badan manusia.

3 Bahan dan teknologi bangunan termaju

Kombinasi penggunaan bahan pasang siap (*prefabrication*) dan sistem modular perlu menerapkan bahan interaktif bangunan, automasi dan robotik serta prototaip pantas. Oleh yang demikian, Malaysia perlu berusaha untuk membangunkan industri bahan bangunan pintar yang lestari.

4 Rekabentuk rumah tahan bencana

Rekabentuk rumah tahan bencana harus digalakkan sebagai langkah persediaan negara menghadapi perubahan iklim yang mengakibatkan banjir besar, angin kencang, gempa bumi dan tsunami.

Menjelang tahun 2025, jumlah penduduk bandar di Malaysia dijangka meningkat sehingga 70%. Oleh itu, kerajaan perlu menyediakan perumahan yang mencukupi, mampu milik dan berkualiti. Tadbir urus yang baik, dasar perumahan yang menggalakkan, strategi dan pelan serta teknologi tinggi untuk kelestarian sosial adalah di antara perubahan yang diperlukan dalam sektor perumahan. Bagi memenuhi keperluan semasa, yakni seperti perubahan iklim dan pemeliharaan warisan budaya, pembentukan Panel Semakan Rekabentuk (*Design Review Panel*) adalah penting. Panel ini berperanan dalam menggalakkan rekabentuk inovatif dan mengawal selia piawaian rekabentuk.





Sektor **Infrastruktur**

Kejuruteraan, Perolehan dan Pembinaan (EPC)
Lapangan Terbang . Pelabuhan . Jalanraya & Lebuhraya . Landasan Kereta api

"The challenge for policy makers is to undertake infrastructure development in a manner that not only promotes equity, efficiency, participatory decision-making, sustainability and accountability but also develops domestic capabilities in science, technology and innovation."

(Department for International Development, UK Government, 2002)

Pelaburan Strategik untuk Sektor Infrastruktur

1 Pembangunan Lestari berdasarkan Analisis Kitaran Hayat

Emphasis on planning since the biggest sustainability gains can be achieved if changes are made at this stage.

Analisis Kitaran Hayat Projek



2 Pelan Induk Infrastruktur Bersepadu

Terdapat keperluan untuk mengintegrasikan infrastruktur yang berbeza untuk memastikan pembangunan yang lestari. Sepanjang jangka hayat infrastruktur tersebut, isu-isu kelestarian perlu diberi perhatian.

3 Instrumen Penilaian Kelestarian Infrastruktur

Pengunaan Instrumen Penilaian Kelestarian Infrastruktur akan memastikan ciri bagi kedua-dua infrastruktur lestari dan kelestarian infrastruktur terpelihara melalui mekanisme yang diperlukan untuk penilaian, pengawalan dan pemantauan.

Ini amat penting dalam memastikan sektor infrastruktur negara terus lestari, berdaya saing dan produktif ke arah 2050.
Berikut adalah persoalan penting yang disyorkan untuk penilaian komponen projek:

- Adakah infrastruktur ini benar-benar diperlukan?
- Apakah jenis infrastruktur yang diperlukan? Di manadan bilakah ia diperlukan?
- Pengutamaan infrastruktur
- Pemodelan kelestarian
- Mengesyorkan matriks kelestarian / parameter untuk model terpilih
- Memantau prestasi infratsruktur

Sebagai sektor yang mampu mempengaruhi agenda pembangunan lestari negara, sektor infrastruktur adalah sektor yang penting dan strategik untuk dirancang dan diurus. Penentu utama dalam usaha negara mencapai pembangunan lestari adalah infrastruktur, dan intervensi STI adalah penting.

FOR THE LAST 5 YEARS THE GOVERMENT HAS SPENT A TOTAL AMOUNT OF **RM470 MILLION** FOR THE MAINTENANCE OF SLOPES THROUGHOUT THE COUNTRY.

TUNNELING,

PROBABLY, NEEDS TO BE SEEN AS AN ALTERNATIVE TO SOLVE THESE PROBLEMS.

(Speech of YB Datuk Seri Haji Fadillah Haji Yusof, Minister of Works, 2 September 2014)



Sektor **Pengangkutan**

Pengangkutan Rel . Pengangkutan Jalan Raya . Industri Aeroangkasa
Pengangkutan Laut dan Darat
Perkhidmatan Keselamatan dan Pengurusan Penguatkuasan (SEMS)

"We note that transportation and mobility are central to sustainable development. Sustainable transportation can enhance economic growth and improve accessibility. We recognise the importance of the efficient movement of people and goods. Access to environmentally sound, safe and affordable transportation improves social equity (fairness), health, resilience of cities, urban-rural linkages and productivity of rural areas"

(UN Conference on Sustainable Development, Rio+20)

Pelaburan Strategik untuk Sektor Pengangkutan

1. Sektor pengangkutan akan bermanfaat sekiranya konsep 'Elak – Beralih – Menambah baik' ', diterima pakai.

Elak
(mengurangkan keperluan perjalanan)

- Pembangunan komuniti perlu dirancang lebih baik dengan mengambil kira akses alternatif untuk pemanduan yang lebih mudah;
- Kerja dari rumah (*telecommuting*)
- Penggunaan tanah bersepadu – Pelan Induk Pengangkutan; dan
- Pengangkutan Berorientasikan Pembangunan (TOD).



HALAMANFAKTA

Pada tahun 1991, kekerapan perjalanan bagi kenderaan di Malaysia adalah hanya 13 juta perjalanan sehari. Namun pada tahun 2010, angka ini telah meningkat 300% kepada 40 juta perjalanan setiap hari, dan dijangka akan mencapai 133 juta pada tahun 2030 (SPAD, 2010).

Beralih
(Memilih mod pengangkutan yang lebih cekap)

- Sistem pengangkutan rel negara memerlukan perancangan awal. Ini penting untuk mengurus mobiliti, urbanisasi, kehidupan lestari, kesan alam sekitar, pengangkutan yang efisien dan populasi penduduk yang berlebihan.
- Merancang laluan perkapalan kutub bebas ais
  - Rangkaian Kereta Api Trans-Asia perlu disusuli dengan laluan Timur dan Barat yang dirancang dan dibina secara berperingkat.
  - Malaysia harus bersedia sekiranya laluan kutub menjadi bebas ais menjelang tahun 2100 untuk tujuan perkapalan yang merentasi perairan Malaysia. Dianggarkan masa pelayaran berkurangan dari 48 hari (laluan Suez Canal) ke 35 hari (laluan kutub) bagi kapal dalam perjalanan dari Rotterdam ke Dalian.
- Menggunakan pengangkutan awam sepenuhnya dari destinasi awal hingga ke destinasi akhir;
- Perkhidmatan Tram/ Bus Transit Cepat untuk pengangkutan dalam bandar;
- Mempertimbangkan pengangkutan air sebagai alternatif yang berdaya maju;
- Mengenakan caj Skim Kesesakan Jalan Raya (ACP)

HALAMANFAKTA

- **Industri angkasa** akan menjadi satu trend pengangkutan masa hadapan.
- Lebih 900 satelit akan dilancarkan menjelang tahun 2020

Frost & Sullivan Report, 2011

Menambah baik
(Memilih bahan api dan teknologi yang bersih)

- Membangunkan mod pengangkutan tanpa sempadan bersepadu yang merangkumi pengangkutan darat, aeroangkasa dan maritim;
- Integrasi kesemua mod pengangkutan di dalam sistem perjalanan *multimodal* yang dipermudahkan dengan teknologi maklumat;
- Memilih pengangkutan hijau dengan menghasilkan dan menggunakan kenderaan bersih, efisien, dikuasakan bahan api lestari rendah karbon dan tenaga seperti kenderaan bertenaga efisien, kenderaan elektrik dan kenderaan hibrid;
- Memanfaatkan teknologi berasaskan satelit komersil (ITS, GPS, navigasi kereta, kawalan trafik udara dan pendaratan automatik pesawat) untuk meningkatkan sistem navigasi bagi sektor pengangkutan agar kadar kemalangan, penggunaan bahan api dan masa perjalanan dapat dikurangkan secara signifikan;
- Membuka Jalan Tol Terbuka / Sistem Tol Aliran-bebas;
- Merangka Sistem Panduan Maklumat Parkir;
- Menubuhkan agensi tunggal yang bertanggungjawab bagi pengangkutan;
- Menyediakan perkhidmatan kereta api berkelajuan tinggi di seluruh negara; dan
- Mewujudkan *Automatic Dependent Surveillance Broadcast System (ADS-B)*

2. Mengutamakan P&P dalam sektor pengangkutan

i. Teknologi 'Internet of Things (IoT) / Internet of Vehicle (IoV)', diterima pakai untuk menghubungkan kenderaan ke kenderaan, kenderaan ke infrastruktur atau kenderaan dengan manusia. Ini membolehkan maklumat dan perkhidmatan *real-time* yang bermanfaat membantu sektor pengangkutan.

ii. Meningkatkan kecekapan pembuatan dalam industri aeroangkasa, pengangkutan darat dan maritim, penggunaan teknologi pembuatan tambahan yang lebih efisien patut digunakan.

iii. Penggunaan Teknologi Reka bentuk Kenderaan perlu digiatkan secara berkesan untuk menghasilkan kenderaan mesra alam untuk pelbagai mod pengangkutan.

iv. Menubuhkan Institut Penyelidikan bertumpukan sektor pengangkutan.

HALAMANFAKTA

Pengangkutan: Peningkatan mobiliti ekoran peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan populasi penduduk

- Mobiliti sesebuah negara biasanya bertambah dengan peningkatan KDNK dan populasi penduduknya. Purata pertumbuhan tahunan sebanyak 6.3% dari 1971 ke 2010, di mana KDNK meningkat dari RM6,000 ke RM30,000 (SPAD, 2010).
- Menurut Rancangan Fizikal Kedua Negara, populasi penduduk Malaysia mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 2.2% dari tahun 2000 hingga 2008, membawa populasi penduduk dari 23.3 juta ke 27.7 juta. Menjelang tahun 2020, populasi penduduk Semenanjung Malaysia dianggarkan mencecah 28 juta.



Sektor
Elektrik dan Elektronik

Peranti Berasaskan Silikon dan Semikonduktor Gabungan
Penjanaan, Pengaliran dan Pengagihan Tenaga
Solar Sebagai Sumber Tenaga Boleh Diperbaharui yang Efisien

"The Electronics and Electrical sector has played a critical role in the development of an industrialised Malaysian economy. We now need to be a strategic E&E centre for leading global E&E players and domestic champions, offering high value for money and with a deep pool of talent."

(YB Dato' Sri Mustapa B. Mohamed,
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri)

Pelaburan Strategik untuk Sektor Elektrik dan Elektronik

1 Pembangunan peranti berasaskan silikon dan semikonduktor gabungan

Walaupun semikonduktor gabungan adalah pilihan yang menarik, silikon masih merupakan pilihan utama dalam industri elektronik. Tambahan pula, Malaysia kaya dengan pasir silika berkualiti tinggi yang merupakan bahan utama dalam peranti silikon.

2 Pewujudan produk eletronik jenama tempatan

Dengan membangunkan 'Sony' atau 'Samsung' versi Malaysia, kita dapat menyertai rangkaian industri bernilai tinggi yang membolehkan industri elektronik negara terus berkembang dan lestari pada masa hadapan. Ini akan memastikan barangan elektronik buatan tempatan berada dalam pasaran dan seterusnya menyokong ekosistem sektor elektronik. Selain itu, negara akan dapat meneroka dan memanfaatkan kepakarannya dalam P&P, reka bentuk Litar Bersepadu, fabrikasi, pembuatan dan pembangunan produk. Pihak universiti juga dapat memainkan peranan masing-masing dalam bidang P&P dan seterusnya mengurangkan bebanan ke atas syarikat baru atau GLC.

3 Penjanaan, penghantaran dan pengagihan tenaga

Untuk penjanaan, penghantaran dan pengagihan tenaga sehingga tahun 2020, perkara berikut telah diutarakan:

- Kecekapan Tenaga
- Komuniti Jaringan Neutral (Net Neutral Community) dan Transformasi Luar Bandar
- Grid Pintar dan Sistem Tenaga boleh Diperbaharui Tidak Berpusat

4 Penghasilan solar hidrogen untuk bekalan elektrik kawasan bandar dan luar bandar

Ia merupakan idea untuk teknologi boleh diperbaharui dan teknologi hijau. Selain daripada itu, idea-idea lain untuk dipertimbangkan adalah seperti pengenalan kepada Grid Pintar, Sistem Tidak Berpusat, serta penggunaan Tenaga Marin (Penukaran Tenaga Terma Luar Pesisir, Pasang Surut Air, Ombak dan Angin Luar Pesisir) serta penggunaan tenaga nuklear berteknologi tinggi (thorium sebagai sumber bahan api).

5 Kestabilan bekalan tenaga dan ekonomi hidrogen

Untuk kestabilan bekalan tenaga dan ekonomi hidrogen (untuk dilaksanakan pada 2031 dan seterusnya), ekonomi hidrogen berskala besar dan penggunaan sistem hidrogen boleh diperbaharui berteknologi tinggi dijangka akan dilaksanakan.

6 Solar sebagai tenaga boleh diperbaharui yang efisien

i. Berasaskan industri (sehingga tahun 2020), yang mengetengahkan perkara berikut:

- Harga bahan mentah silikon yang lebih rendah
- Teknologi wafer silikon yang lebih nipis
- Filem nipis
- Penambahbaikan pemprosesan
- Peningkatan prestasi

ii. Berasaskan teknologi (sehingga tahun 2030), yang mengetengahkan perkara berikut:

- Filem nipis
- Penumpu
- Wafer silikon < 100 mikron
- Sel silikon melangkaui 25%

iii. Berasaskan penyelidikan asas (2031 ke 2050 dan seterusnya), yang mengetengahkan perkara berikut:

- Titik kuantum
- Multisimpangan
- Kajian Termofotonik
- Jalur pertengahan
- Bidang berinspirasikan biologi





Sektor
Alam Sekitar

Perubahan Iklim dan Karbon . Air . Tenaga
Bahan Buangan . Hutan dan Tanah

"Sustainable development recognises that growth must be both inclusive and environmentally sound to reduce poverty and build shared prosperity for people today and for future generations. While efforts to expand access to safe drinking water are on track to achieve this target in most regions, 2.5 billion people still lack access to improved sanitation. Land is still being degraded, forest lost and species endangered as carbon emissions continue to change the environment we live in."

(The World Bank)

Pelaburan Strategik untuk Sektor Alam Sekitar

1 Perubahan Iklim & Karbon

Menangani kesan karbon yang terhasil daripada hasil pengeluaran pertanian dan industri, bangunan dan bandar dengan:

- Menggunakan tenaga yang boleh diperbaharui untuk bekalan elektrik bagi menggantikan arang batu dan hidrokarbon seperti mana yang disarankan oleh UN
- Meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga
- Mengurangkan pembaziran
- Menghentikan aktiviti penebangan hutan
- Menambah baik penyelenggaraan dan perancangan

2 Air

Menangani masalah pengurangan kawasan tadahan air dan kekurangan air termasuk kawasan pertanian intensif dengan:

- Membaiki dan menyelenggara sistem pengagihan untuk mengurangkan kebocoran
- Menambah baik sistem untuk menyimpan dan menggunakan air hujan dan banjir dengan efisien
- Meneroka dan menggunakan sumber air bawah tanah
- Meningkatkan penyusupan air hujan ke dalam tanah (mengurangkan kawasan permukaan tidak telap di kawasan bandar)
- Membersihkan dan mencegah pencemaran sungai.

3 Tenaga

Peningkatan jumlah karbon dioksida di atmosfera adalah berpunca daripada peningkatan permintaan tenaga. Oleh yang demikian, penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui berasaskan kayu (tanam semula), solar dan angin di kawasan terpilih perlu digalakkan. Pengeluaran kayu untuk tenaga memerlukan pemfokusan semula di peringkat perancangan nasional untuk peralihan dari teknologi tinggi berpusat kepada teknologi rendah yang selamat dan tidak berpusat.

4 Bahan Buangan

Kos alam sekitar yang tinggi bagi pelupusan menggunakan tapak pelupusan. Bahan buangan dapat dikurangkan melalui rekaan dan perancangan produk (memperkenalkan Penilaian Kitar Hayat dalam pembuatan produk), kitar semula bahan buangan dengan pengenalan kepada mekanisme pengasingan dan kitar semula, sisa organik yang dijadikan baja kompos, manakala penggunaan tapak pembakaran dan pelupusan adalah sebagai pilihan terakhir dan digunakan pada tahap minimum.

5 Hutan dan Tanah

Antara cadangan bagi mengatasi isu degradasi tanah adalah pengawalan dan penghentian aktiviti penebangan hutan dan peningkatan penggunaan tanah yang telah diteroka secara produktif. Selain itu, penumpuan kepada usaha penanaman semula dan pemuliharaan pokok sebagai sumber hijau komuniti yang penting harus digiatkan. Antara peluang-peluang STI yang disyorkan adalah seperti berikut:

- Penggunaan meluas dan penciptaan alat penjimatan tenaga
- Pembangunan sumber tenaga alternatif termasuk biojisim berasaskan kayu
- Peningkatan teknologi pengurusan air.
- Pembangunan inisiatif tempatan dalam menangani sisa bandar.
- Memperbaiki kaedah penanaman semula hutan, pengurusan pepohon kawasan bandar untuk pengeluaran kayu, dan perlindungan hutan bakau sebagai pelindung kepada alam sekitar kawasan pantai.











Forum Kebangsaan Mega Sains 2.0

Pelan Pembangunan **Industri Berasaskan Nadir Bumi di Malaysia**



Pelancaran rasmi 'Pelan Pembangunan Industri Nadir Bumi di Malaysia'oleh
Dato 'Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur, Ketua Setiausaha MOSTI, pada 8 Disember 2014

Dalam usaha berterusan untuk mengekalkan ekonomi negara, Malaysia sentiasa mencari peluang baru dalam perniagaan dan pertumbuhan ekonomi. Laporan Nasihat ASM yang berjudul, *Revitalising the Rare Earth Mineral Programme* in Peninsular Malaysia as a Strategic Industry, telah mengenalpasti industri nadir bumi sebagai sektor strategik bagi Malaysia, dan mengesyorkan agar Pelan Pembangunan Industri Nadir Bumi di Malaysia dihasilkan.

Peranan nadir bumi semakin penting dalam ekonomi global yang kini menuju ke arah penggunaan teknologi hijau. Penggunaan unsur nadir bumi di dalam pelbagai produk dan peranti seperti kereta elektrik dan solar foto-voltan jelas membuktikan keberkesanannya dalam penggunaan tenaga secara cekap dan efektif.

Dengan penubuhan kilang pemprosesan nadir bumi Lynas Corporation di Kuantan juga telah mendorong kepada penilaian yang lebih terperinci tentang peluang perniagaan nadir bumi, terutamanya bagaimana Malaysia boleh mengambil bahagian. Bagi mencapai matlamat ini, Badan Bertindak Nadir Bumi ASM yang ditubuhkan pada tahun 2013 telah menyediakan Pelan Pembangunan dengan peruntukan yang diberikan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Pelan Pembangunan ini berperanan dalam menggariskan manfaat penubuhan dan pembangunan rantaian bekalan industri nadir bumi di Malaysia di peringkat aliran atasan, pertengahan dan bawahan secara menyeluruh. Ini juga merangkumi usaha mengenal pasti keperluan pembangunan kapasiti yang sewajarnya.

Pelan Pembangunan ini membincangkan rasional menceburi industri ini, termasuk risiko dan peluang yang terlibat. Ia turut menyediakan laluan untuk negara mempelopori bidang baru yang berpotensi ini dengan berkesan. Keperluan untuk pembangunan kapasiti ditonjolkan dalam Pelan Pembangunan ini bagi memastikan rakyat Malaysia yang terlatih dari peringkat vokasional / teknikal hinggalah ke peringkat graduan, dalam pelbagai bidang sains, kejuruteraan dan teknologi mencukupi untuk memenuhi keperluan industri.

Satu lagi strategi untuk Malaysia memacu industri ini ke hadapan ialah dengan menjalinkan hubungan kerjasama dengan rakan kongsi teknologi di peringkat antarabangsa, yang telah membuktikan keupayaan mereka dalam penyelidikan dan pembangunan nadir bumi seperti Australia, China, Jepun, Korea Selatan dan Amerika Syarikat.

Kajian AIR

Kajian air yang dijalankan oleh ASM bertujuan mencapai Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM) di Malaysia. ASM telah membahagikan pendekatan IWRM yang luas kepada beberapa komponen supaya kajian yang lebih mendalam dapat dijalankan.

Setiap kajian ini direka khusus untuk memberikan nasihat kepada kerajaan mengenai pelaksanaan IWRM secara progresif. Kajian terperinci kemudiannya dijalankan ke atas sub-set atau sub-tema ini supaya pelan strategi atau laporan nasihat dapat disediakan untuk pertimbangan pihak berkuasa atau agensi yang bertanggungjawab.

Kajian ini juga melalui proses rundingan strategik dengan institusi yang berkaitan, masyarakat dan pihak berkepentingan dari sektor swasta.



P&P Air

ASM telah menerbitkan Kertas Posisi bertajuk *"A Study on Current Status and Needs Assessment for Water Resouces Research in Malaysia"*. Kajian ini selesai dilaksanakan pada Mei 2014. Kajian ini mendapati bahawa penyelidikan dalam sektor air yang dijalankan selama ini adalah ad-hoc, tidak bersepadu dan tidak menyeluruh. Sebanyak 96 topik penyelidikan di bawah 21 tema yang berkaitan air telah dikenal pasti untuk memanfaatkan STI dalam menangani isu dan cabaran pengurusan air negara melalui rangka kerja P&P pelbagai disiplin yang selaras dan bersepadu.

Susulan daripada Kertas Posisi ini, Laporan Nasihat bertajuk *"Setting a National Agenda for Integrated Water Research"* telah diterbitkan pada akhir tahun 2014 dan empat syor telah dikemukakan. Syor-syor tersebut adalah seperti berikut:

1 Penyelidikan Air Bersepadu Kebangsaan (NIWR)

Sumber air sebagai penjana ekonomi negara

- Hidrologikal
- Polisi dan peraturan
- Hidrologi, limnologi dan model matematik berkaitan
- Hidrogeologi dan model air bawah tanah
- Eko-hidrologi dan sub-set IWRM berkaitan
- Perkhidmatan Ekosistem - peruntukan sumber, aliran persekitaran dan peraturan
- Biodiversiti dan produk semulajadi bersumberkan ekosistem daratan dan akuatik
- Sistem pesisiran pantai
- Kualiti air dan pencemaran
- Pengurusan Bersama
- Resolusi konflik
- Bahaya berpuncakan air
- Perubahan iklim
- Sumber untuk penjanaan ekonomi

Air untuk kehidupan dan Penjanaan Ekonomi

- Pembangunan dan pengurusan bekalan air yang mampan untuk pelbagai kegunaan
- Pengurusan Permintaan Air Bersepadu (IWDM)
- Pengurusan sisa air dan penggunaan semula
- Perparitan untuk pertanian
- Teknologi Hijau
- Neksus Air-Makanan-Tenaga
- Produk dan perkhidmatan untuk penjanaan ekonomi

2 Pilihan Tadbir Urus Penyelidikan Air

Pilihan 1

Penubuhan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Air Kebangsaan (WRDC) berstatus Badan Berkanun sebagai langkah penyelesaian jangka masa panjang, yang akan bertindak sebagai pusat sehenti untuk menguruskan semua aspek P&P air di negara ini.

Pilihan 2

Membentuk Konsortium Penyelidikan Air yang dianggotai oleh organisasi penyelidikan berkaitan air dalam sektor awam dan swasta bagi menyediakan penyelesaian jangka pendek dalam menyelaraskan penyelidikan berkaitan air. ASM mencadangkan Konsortium ini diketuai oleh Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM).

3 Penyediaan Sumber Manusia dan Sumber Kewangan yang mencukupi

Agenda penyelidikan yang dicadangkan memerlukan pengukuhan dalam pelaksanaan kapasiti. Pendekatan yang diambil adalah melalui penggunaan sumber manusia yang mencukupi dalam bidang khusus dan pengagihan dana yang memadai untuk pelaksanaan program dan inisiatif penyelidikan pelbagai aspek. Selain itu, peruntukan geran permulaan untuk menerajui Agenda NIWR disyorkan.

4 Pelaksanaan Agenda NIWR

Terdapat keperluan untuk pemegang amanah sumber air di negara ini menerajui pelaksanaan Agenda NIWR.

Air tidak mempunyai sumber alternatif seperti di dalam sektor tenaga.

Ketika ini, negara bergantung hampir sepenuhnya kepada air permukaan (97%), dan keadaan ini adalah tidak lestari untuk jangka masa panjang.

Laporan Nasihat: *A National Key Priority Area (NKEA) on Water*

Laporan Nasihat bertajuk *"A National Key Priority Area on Water"* telah disediakan untuk menyokong Wawasan Air Malaysia dan Dasar Sumber Air Negara untuk merealisasikan peranan penting air dalam kehidupan, keselamatan dan ekonomi negara. Air adalah sumber kehidupan. Oleh itu, ia perlu dianggap sebagai sumber penting yang berpotensi besar untuk menyumbang kepada kemanusiaan, ekonomi dan pembangunan masyarakat.

Menggunakan pendekatan Projek Permulaan (EPP) yang diterajui oleh PEMANDU yang menyokong Bidang ekonomi negara, kajian ini telah mengenalpasti 72 EPP bagi 'Air sebagai Sumber' dan 'Air sebagai Utiliti'. Projek ini berpotensi untuk menggalakkan peluang ekonomi, dan sekaligus memelihara sumber air negara. Kajian ini telah disiapkan dan akan diterbitkan pada tahun 2015. Laporan Nasihat ini mengemukakan empat syor seperti berikut:

1 Air Sebagai Agenda Negara

Aspek keselamatan dan kelestarian air mempengaruhi ekonomi dan kehidupan seharian. Oleh itu, adalah penting untuk air dijadikan sebagai Agenda Negara. Ini akan memastikan pengurusan air yang mampan di masa hadapan.

2 Menggalakkan Agenda P&P Air

Sumber air adalah sangat penting tetapi langkah untuk menangani masalah pengurusan air adalah mengecewakan. Oleh itu, bagi memastikan bekalan air mencukupi untuk semua penggunaan yang berfaedah, P&P air adalah kritikal. Terdapat juga keperluan untuk memastikan kesihatan ekologi sungai, tasik, dataran banjir, tanah paya dan muara sungai sentiasa terjamin untuk kegunaan kini dan masa hadapan.

3 Membangunkan Kepentingan Air

Sektor industri menyedari bahawa masalah yang berkaitan makanan, tenaga dan air akan mengancam pengeluaran dan kelestarian industri. Pada masa yang sama wujud peluang perniagaan dalam meningkatkan kecekapan dan pengurangan bahan buangan ke persekitaran.

4 Neksus Air-Makanan-Tenaga

Sektor pertanian tidak dapat menghasilkan makanan pada kadar yang seimbang dengan pertambahan populasi. Akibatnya, kos pengeluaran makanan semakin meningkat. Tambahan pula, catuan air yang memudaratkan pengeluaran hasil pertanian dan tenaga yang memacu ekonomi hanya akan meningkatkan kos pengeluaran, seterusnya membebankan rakyat. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mencapai keseimbangan di antara neksus air,makanan dan tenaga. Air amat diperlukan sebagai NKPA bagi memastikan kemandirian negara ini di masa hadapan.

Perundingan STI

Laporan Status: Kelestarian Industri Minyak Sawit Malaysia Tahun 2013/2014

Pada tahun 2014, ASM telah menerbitkan hasil kajian: Laporan Status: Kelestarian Industri Minyak Sawit Malaysia 2013/2014". Ini merupakan projek perundingan untuk Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC). Laporan ini merupakan hasil kajian bebas yang mengenengahkan maklumat asas mengenai status kelestarian industri minyak sawit Malaysia berdasarkan petunjuk pembangunan lestari.

Melalui projek perundingan ini, ASM telah membangunkan Indeks Pembangunan Lestari Minyak Sawit *(Palm Oil Sustainable Development Index (POSDI))*, sebagai mekanisme pemarkahan berdasarkan rangka kerja kelestarian. Laporan ini menganalisis dan membentangkan data berkaitan dengan industri minyak sawit Malaysia dan kelestariannya dari sudut ekonomi, sosial, alam sekitar dan kualiti hidup.

Laporan status ini telah dilancarkan oleh Dato' Lee Yeow Chor, Pengerusi MPOC, semasa Persidangan Antarabangsa Kelestarian Minyak Sawit (IPOSC) 2014.

Kaji Selidik P&P Kebangsaan 2014

Kaji selidik P&P Kebangsaan 2014 adalah kesinambungan daripada siri kaji selidik yang telah dijalankan sejak tahun 1994. Kajian ini bertujuan untuk menilai dan memantau pencapaian aktiviti P&P yang dijalankan oleh agensi dan Institut Penyelidikan Kerajaan (GRI), Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan Perusahaan Perniagaan (BE) di Malaysia. ASM telah dilantik sebagai perunding kepada Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC) untuk menjalankan kaji selidik ini.

Kaji selidik ini dijangka siap pada akhir tahun 2015.



Kajian Pelaksanaan **Pendidikan Sains melalui Amalan Inkuiri (IBSE)** di Sekolah Rendah yang terpilih

Satu penilaian terhadap pelaksanaan Pendidikan Sains Melalui Amalan Inkuiri (IBSE) di empat buah sekolah rendah yang terpilih di Daerah Hulu Langat telah dijalankan oleh ASM sebagai projek rintis dari 2012 – 2013. Penilaian ini dijalankan berdasarkan keprihatinan pihak ASM terhadap tahap pencapaian pendidikan sains di Malaysia, seperti yang dinyatakan di dalam keputusan *Programme for International Student Assessment (PISA)*, pada tahun 2009 dan 2012. Penilaian ini bertujuan untuk melihat kebolehlaksanaan IBSE dalam mengukuhkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sains di peringkat sekolah rendah, serta pemahaman murid terhadap sains. Kajian ini dijalankan melalui pendekatan kualitatif dan kuantitatif.

Berdasarkan daripada *Fibonacci IBSE Self-Reflection Tool*, pemerhatian, sesi temubual bersama para guru dan keputusan peperiksaan akhir tahun murid, hasil penilaian projek rintis ini adalah seperti yang berikut:

1) Guru mempunyai pemahaman yang lebih baik terhadap IBSE selepas mengambil bahagian dalam bengkel latihan;
2) Guru kini mampu mengembangkan kemahiran proses sains di kalangan murid melalui kaedah IBSE;
3) Prestasi murid dalam subjek sains, terutamanya dalam kemahiran proses sains dan kemahiran penyelesaian masalah, turut meningkat; dan
4) Murid-murid juga menunjukkan perubahan tingkah laku yang positif terutamanya motivasi dan minat terhadap subjek sains pada akhir penilaian projek rintis ini.

Walaupun pelaksanaan IBSE pada mulanya dilihat sebagai satu cabaran, namun dengan panduan dan bimbingan yang diberikan semasa projek perintis ini, ia telah dapat meningkatkan keyakinan guru dalam melaksanakan kaedah IBSE. Hasil pemerhatian menunjukkan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru kini cenderung ke arah pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid.

SeKILAS

IBSE bertujuan membantu para guru untuk meneroka dan mengajar subjek S&T melalui pendekatan siasatan saintifik yang mampu merangsang minda saintifik, memahami alam dan kemahiran ekspresif di kalangan murid.

Peratusan Maklumbalas Positif Berdasarkan Persepsi Guru

Peranan Guru	
Membina idea murid	92.9
Menyokong penyiasatan oleh murid	93.9
Panduan analisis dan kesimpulan	80.6
Aktiviti Murid	
Menjalankan penyiasatan	68.6
Bekerjasama dengan rakan	92.9
Catatan Murid	
Hasil kerja murid	78.6
Catatan bertulis murid	71.4

* Keputusan *Fibonacci IBSE Self-Reflection Tool*

Penarafan Subjek (berdasarkan skor)



Bagi penilaian lanjut terhadap keberkesanan kaedah IBSE, ujian *Trends of International Mathematics and Science Study (TIMSS)* telah dijalankan terhadap murid yang terlibat dengan penilaian ini. Bagi tujuan perbandingan, murid dari dua kelas yang tidak melaksanakan kaedah IBSE turut menduduki ujian TIMSS.

Berdasarkan analisis skor murid bagi soalan objektif vs subjektif, murid IBSE telah mengatasi murid bukan IBSE. Murid IBSE mempunyai pemahaman yang lebih baik dan berupaya menyatakan dengan jelas jawapan mereka berbanding murid bukan IBSE, terutamanya untuk soalan subjektif. Ini juga mencerminkan fokus kaedah IBSE yang menekankan perkembangan bahasa melalui pembelajaran sains.

Penilaian projek rintis IBSE ini menekankan yang berikut:

1) IBSE merupakan satu langkah pengajaran dan pembelajaran sains yang dapat memotivasi dan merangsang minat dan keterujaan dalam pembelajaran;
2) IBSE mengembangkan pemikiran murid melalui penghujahan, hipotesis, penciptaan, kajian dan membuat kesimpulan di akhir eksperimen;
3) IBSE relevan dengan penekanan baru KPM terhadap pembangunan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), serta sukatan pelajaran baru di dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR);
4) IBSE selaras dengan KSSR yang menyokong perkembangan bahasa melalui pembelajaran sains;
5) IBSE menggalakkan pembangunan kemahiran insaniah melalui aktiviti kumpulan dan perbincangan;
6) IBSE adalah satu pendekatan yang praktikal, mudah dilaksanakan dan tidak memerlukan kos yang tinggi;
7) IBSE memberikan idea inovatif kepada guru untuk melaksanakan pengajaran secara inkuiri; dan
8) Memastikan pelaksanaan kaedah IBSE yang efektif, guru perlu diberikan latihan IBSE sekurang-kurangnya 60 jam.

HALAMANFAKTA

Seramai 20 orang guru telah menjalani latihan dengan menggunakan kaedah IBSE di *Regional Centre for Education in Science and Mathematics (RECSAM)*. Mereka juga telah diberikan latihan 30 jam secara berterusan melalui bengkel yang diadakan pada hujung minggu.

Objektif penilaian projek rintis:
- Untuk menilai pemahaman guru terhadap IBSE sebelum dan selepas latihan
- Untuk menilai keupayaan guru dalam IBSE dan mengembangkan kemahiran proses sains di kalangan murid
- Untuk menilai prestasi murid dalam bidang sains - kemahiran proses sains dan penyelesaian masalah
- Untuk menilai perubahan tingkah laku murid - motivasi dan minat pada akhir projek rintis

Empat sekolah rendah yang terlibat dan telah dikenalpasti oleh pihak KPM:
- SK Semenyih, Semenyih
- SK Bandar Sri Putra, Kajang
- SK Bandar Tasik Kesuma, Beranang
- SK Seksyen 7, Bandar Baru Bangi



Guru membuat penyediaan untuk pengajaran IBSE



Murid IBSE mengambil bahagian dalam kelas praktikal

Perbandingan Prestasi Antara Murid IBSE dan Murid Bukan IBSE



HALAMANFAKTA

Penilaian TIMSS merupakan satu ukuran piawaian untuk pencapaian trend antarabangsa dalam matematik dan sains di tahun empat dan tahun lapan, yang dibangunkan oleh *International Association for the Evaluation of Educational Achievement (IEA).*

Soalan TIMSS terdiri daripada soalan objektif dan subjektif yang terbahagi kepada 3 kategori utama:

i) Soalan berbentuk mengetahui
ii) Soalan berbentuk mengaplikasi
iii) Soalan berbentuk menaakul

Sampel Ujian TIMSS:
293 murid IBSE
280 murid bukan IBSE dari sekolah yang sama

Instrumen:
50 soalan Grade 4 Released Items bagi Ujian TIMSS yang diterjemah ke Bahasa Malaysia

Science Outlook

Menganalisis Landskap STI

ASM telah memulakan Science Outlook bagi tujuan menyediakan laporan bebas berkenaan trend utama dalam STI di Malaysia. Laporan ini adalah berdasarkan DSTIN, 2013-2020 melalui enam terasnya.

Science Outlook merujuk kepada data sejarah, prestasi di pelbagai peringkat pembangunan STI serta jurang yang berkaitan dengan sasaran yang ditetapkan oleh polisi. ASM juga meneliti beberapa amalan terbaik, membandingkan dan membezakannya dengan model pelbagai negara dan mengemukakan cadangan dan tindakan masa hadapan untuk dipertimbangkan.

ASM menggunakan pelbagai kaedah kajian untuk pengumpulan data dan melaksanakan analisis untuk mendapatkan gambaran dan perspektif berkenaan landskap STI di Malaysia.

SeKILAS

Hansard adalah prosiding Parlimen yang merupakan transkrip pertukaran rasmi di antara ahli politik di Parlimen.

Antara kajian yang dijalankan pada tahun 2014 adalah seperti:

1. Kesedaran STI di kalangan Ahli Parlimen di Malaysia

Kesedaran STI adalah penting bagi pembuat keputusan negara kerana pengetahuan S&T merupakan instrumen yang berkuasa untuk merangsang pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Oleh itu, satu analisis telah dijalankan dengan menggunakan data Hansard (2008-2013) bagi menilai kesedaran STI di kalangan ahli Parlimen, isu-isu STI yang kerap dibincangkan, serta menilai tahap keamatan dan kualiti perbincangan.

Penemuan awal analisis adalah seperti berikut:

a) **Sektor dan isu STI yang kerap dibincangkan**
Sektor STI yang menarik minat di kalangan ahli parlimen adalah perubatan dan kesihatan, pertanian serta tenaga alternatif. Manakala, isu STI merangkumi projek angkasawan, banjir, pendidikan sains dan Lynas.

b) **Kualiti soalan**
Pemeriksaan jenis soalan berkaitan dengan STI mendedahkan bahawa majoriti adalah soalan *ex-post*, menunjukkan bahawa ahli parlimen memainkan peranan pasif dalam menentukan hala tuju STI negara.

c) **Corak perbincangan**
Kebanyakan perbincangan berdasar kepada agenda parti politik, topik yang mendapat perhatian media dan isu yang berkaitan kawasan mereka.

2. Menganalisis Elemen STI dalam Dasar Negara

Pelaksanaan aktiviti ini adalah untuk menganalisis kewujudan elemen STI dalam 81 dasar negara. Walaupun Malaysia telah mempunyai dasar STI sejak tahun 1980-an, kebanyakan dasar yang wujud sebelum DSTN 1986 tidak jelas merujuk kepada STI. Walaubagaimanapun, terdapat peningkatan yang besar dalam dasar dari tahun 1986 ke 2014 yang mengandungi unsur STI; iaitu dari 20% kepada 91%. Ini menunjukkan satu anjakan paradigma terhadap reka bentuk dasar yang boleh dikaitkan dengan pelancaran DSTN pertama pada tahun 1986. Kebanyakan dasar pasca 1986 mengandungi istilah semasa seperti P&P, yang tidak wujud di dalam dasar yang sebelumnya.

3. Sasaran Dasar STI

Analisis telah dilakukan ke atas dasar STI dan sasaran bagi setiap dasar tersebut untuk mengesan perkembangan STI di Malaysia. Analisis ini menunjukkan bahawa dokumen rasional dan data adalah terhad dalam menyokong sasaran dan hasil daripada dasar STI.

Analisis Elemen STI dalam Dasar Negara

Dasar	Dengan Elemen STI	Tanpa Element STI
Pra 1986	**20%**	**80%**
Pasca 1986	**91%**	**9%**

Carta Falsafah Science Outlook
Laporan Bebas Berkenaan Kecenderungan STI di Malaysia



Bagi memenuhi pelbagai sasaran dan potensi untuk muncul sebagai sebuah negara berkuasa STI, kapasiti dan keupayaan semasa STI Malaysia perlu ditentukan. Ini dilakukan melalui kajian dasar (*base-line*) atau melalui kajian mendalam berkenaan pelbagai polisi STI sebelum memulakan peralihan kepada dasar dan sasaran baru. Ini menunjukkan perlunya satu mekanisme penilaian, pemantauan yang kukuh selain daripada memberi keutamaan kepada proses penjanaan idea STI.

4. Status Semasa, Trend dan Jurang dalam Lanskap Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan (P,P&P) di Malaysia

Sesi Temubual telah diadakan dengan pihak pengurusan tertinggi dari kementerian dan agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, Badan Perlesenan Teknologi (TLO), dan wakil industri untuk memahami perspektif mereka terhadap landskap STI negara. Di samping itu analisis juga dilakukan ke atas data P,P&P yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), MOSTI, KPM, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan lain-lain untuk mengenal pasti status semasa, trend dan jurang dalam P,P&P di Malaysia.

5. Permintaan Tenaga Kerja Mahir

Satu analisis telah dijalankan menggunakan model *Global Trade Analysis Project (GTAP)*, di mana Malaysia telah dibandingkan dengan 11 rantau yang lain.

Hasil analisis menunjukkan bahawa peningkatan peruntukan, pembangunan sumber manusia, dan perkembangan pesat teknologi dan inovasi di Malaysia akan mendorong *Skilled-biased Technical Change (SBTC)*. Peningkatan SBTC di Malaysia diandaikan akan merangsang permintaan yang lebih besar untuk tenaga kerja mahir berbanding tenaga kerja tidak mahir secara relatif.

Kajian ASM mengenai impak peningkatan kemahiran teknologi kepada industri dan pertumbuhan ekonomi di Malaysia menunjukkan terdapat penambahbaikan kecekapan teknologi di kalangan pekerja mahir terutamanya dalam tiga sektor ekonomi berikut:

i) Kewangan, perniagaan, pendidikan dan perkhidmatan awam
ii) Pengangkutan dan komunikasi
iii) Pembuatan berat

Sektor-sektor ini akan mempunyai impak positif yang signifikan dari segi *welfare gain*, KDNK dan imbangan dagangan negara. Keputusan analisis perbandingan sektor menunjukkan bahawa permintaan untuk tenaga kerja mahir adalah paling ketara dalam sektor Pengangkutan dan Komunikasi.

6. Persepsi Industri terhadap STI

Kaji selidik melalui teknik *purposive sampling* telah dijalankan di kalangan pihak berkepentingan yang paling mempengaruhi atau dipengaruhi oleh industri berasaskan STI di Malaysia. Keputusan kaji selidik yang berdasarkan pandangan 49 orang peneraju industri adalah seperti berikut:

- OECD (2013) menyatakan bahawa hanya 5.5% (terutamanya syarikat multinasional (MNC)) firma mengambil bahagian secara aktif dalam P&P. Bagaimanapun, kaji selidik mendapati kesediaan industri (termasuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)) untuk mengaplikasi inovasi dalam teknologi terbukti melalui kesediaan mereka memperuntukkan dana dan menjalankan penyelidikan, di samping mewujudkan kerjasama luar dengan universiti dan institut penyelidikan.
- 47.6% menekankan keupayaan syarikat mereka untuk berinovasi dan menghasilkan teknologi baru, manakala 19.1% pula menggunakan khidmat luar untuk aplikasi teknologi dan 9.5% lagi memperoleh teknologi dalam bentuk *turnkey* kerana ketidakupayaan mereka untuk membuat sebarang penyesuaian.
- Tiga pasaran utama dunia yang mempunyai potensi besar dari segi pulangan perolehan dalam tempoh satu hingga tiga tahun akan datang adalah ASEAN, Timur Tengah dan Indonesia. Oleh yang demikian, adalah penting untuk mengukuhkan jalinan strategik antarabangsa dalam STI dengan rantau ini.

Pasaran Dunia Berpotensi Menyumbang Pulangan Perolehan Tinggi dalam Tempoh 1 hingga 3 Tahun Akan Datang



STI@3d

data.design.direction

STI@3d merupakan satu platform perkongsian atas talian berkenaan perkembangan trend STI di peringkat nasional dan global. Sumber maklumat diperolehi daripada kajian strategik STI (ASM), IMD, World Bank, OECD dan lain-lain. Inisiatif ini dijalankan sebagai projek rintis dan telah disebarkan di kalangan Felo ASM, *Associates* dan anggota YSN-ASM untuk penambahbaikan dan maklum balas.

STI@3d yang diterbitkan setiap suku tahunan bertujuan untuk membantu pihak berkepentingan untuk memahami isu berkaitan STI (politik, ekonomi, sosial dan alam sekitar) dan seterusnya membantu dalam membuat keputusan. Isi kandungan STI@3d dipersembahkan dalam bentuk infografik, halaman fakta dan rumusan yang mudah difahami. STI@3D boleh dimuat turun di http://www.akademisains.gov.my/sti3d/.



Kajian yang sedang dijalankan

Pengurusan Permintaan Air

Badan Bertindak ini melaksanakan kajian komprehensif mengenai status terkini Pengurusan Permintaan Air di Malaysia. Ini termasuk pengenalpastian kelemahan dan jurang perbandingan norma prinsip-prinsip IWRM dan Amalan Pengurusan Terbaik. Kajian ini juga akan menghasilkan kerangka strategi dan pelan tindakan yang menyeluruh dan lestari dalam Pengurusan Permintaan Air. Laporan Nasihat ini dijangka siap pada tahun 2015.

Air dan Pertanian

Objektif Badan Bertindak ini adalah untuk mengkaji penggunaan air dalam sektor pertanian. Seterusnya, hasil kajian akan disyorkan sebagai strategi untuk menggiatkan semula sektor ini. Laporan Nasihat ini dijangka siap pada tahun 2015.

Bekalan Air dan Pengurusan Sisa Air

Badan Bertindak ini diwujudkan bagi menyediakan satu kajian komprehensif berkenaan status terkini bekalan air dan pengurusan sisa air, dalam usaha untuk mengenalpasti kelemahan dan jurang berbanding norma prinsip-prinsip IWRM dan Amalan Pengurusan Terbaik. Selain itu, kajian ini juga akan mengenalpasti bidang dan peluang dalam aplikasi STI untuk 'Penjanaan Kekayaan' dan 'Kelestarian Sumber' dalam sub-sektor ini. Laporan Nasihat dijangka siap pada tahun 2015.

Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM)

Kertas Posisi mengenalpasti status IRBM, kelemahan dan jurang IRBM dijangka siap pada tahun 2015.

Dasar dan Undang-undang berkaitan Air

Kumpulan Kerja ini berperanan mengenalpasti jurang di dalam Dasar Sumber Air Negara (NWRP) dengan menjalankan tinjauan kritis terhadap NWRP. Ia mengenalpasti kapasiti dasar dalam menghadapi perubahan cuaca serta transformasi sosial dan ekonomi; menilai kapasiti penyesuaian institusi sumber air, terutamanya dalam tahap penggunaan S&T serta P&P; membangunkan kerangka kerja yang menghubungkan institusi sumber air dengan institusi lain bagi membolehkan NWRP bertindak sebagai pelopor Pengurusan Sumber Air Bersepadu, serta mengenalpasti jurang dan isu yang berkaitan dengan NWRM dan undang-undang. Laporan Nasihat berkenaan Kapasiti Penyesuaian dijangka siap pada tahun 2015.

Kesan El Nino terhadap Sosio-Ekonomi

Badan Bertindak ini diwujudkan bagi menyediakan laporan kajian jangka pendek berkenaan kesan El Nino terhadap sosio-ekonomi Malaysia. Seterusnya, Kertas Posisi akan dikemukakan kepada MOSTI di mana Nota Kabinet akan disediakan untuk pertimbangan Kabinet. Kertas Posisi ini dijangka siap pada tahun 2015.

Penggunaan dan Kecekapan Tenaga dalam Pengangkutan

Badan Bertindak ini telah ditubuhkan untuk menangani isu dan jurang berkenaan kecekapan tenaga dalam pengangkutan. Ia juga bertujuan untuk mengumpul maklumat daripada pihak berkepentingan yang berkaitan dan seterusnya menggalakkan perkongsian di kalangan mereka. Laporan tempatan dan antarabangsa berkaitan tenaga telah dikaji semula dan dibincangkan oleh ahli Badan Bertindak untuk gambaran yang lebih jelas berkenaan status semasa penggunaan dan kecekapan tenaga dalam pengangkutan di Malaysia. Adalah diharapkan bahawa Laporan Nasihat ini yang akan siap pada tahun 2015, akan membolehkan pihak berkepentingan yang berkaitan mendapatkan butiran, statistik, maklumat dan saranan profesional bagi meletakkan Malaysia dalam kedudukan yang lebih baik dalam agenda kecekapan tenaga terutamanya dalam pengangkutan.

HALAMANFAKTA

Sektor pengangkutan adalah sektor kedua terbesar dalam penggunaan tenaga selepas sektor perindustrian yang mencakupi 40% daripada jumlah penggunaan tenaga di Malaysia. Ianya juga merupakan salah satu sektor paling intensif tenaga di Malaysia dengan hampir 98% daripada jumlah penggunaan bergantung kepada produk petroleum.

Pelan Hala Tuju Tenaga Bebas Karbon di Malaysia

Peningkatan pelepasan gas rumah hijau seperti Karbon Dioksida (CO_2) telah mengakibatkan pemanasan global yang semakin buruk. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah melaporkan pelepasan CO_2 daripada penggunaan tenaga dalam industri tersebut menyumbang peratusan tertinggi (35%), diikuti dengan Pengangkutan (21%). Permintaan terhadap bahan api fosil akan menurun di masa hadapan apabila perubahan iklim memaksa kerajaan untuk mengurangkan pengeluaran karbon. Terdapat keperluan segera untuk merangka masa depan tenaga bebas karbon.

Pelan hala tuju untuk tenaga bebas karbon di Malaysia akan merangkumi mekanisme yang diperlukan untuk pembiayaan dan program wacana umum. Bidang tumpuan kajian terdiri daripada tujuh sumber tenaga boleh diperbaharui iaitu Solar, Angin, *Ocean Thermal Energy Conversion (OTEC)*, Geoterma, Biojisim, Ombak & Air Pasang Surut dan Kuasa Hidro.

Pelan hala tuju ini mengandungi matlamat tenaga yang diingini dan garis panduan tindakan strategik untuk membimbing kerajaan ke arah tenaga bebas karbon menjelang tahun 2050 dan dijangka siap pada tahun 2015.

Pelan Pembangunan untuk Industri Sel Bahan Api di Malaysia

Badan Bertindak ini ditubuhkan dengan matlamat berikut:

- Mengenalpasti pihak berkepentingan utama dalam teknologi dan pembangunan Sel Bahan Api
- Mengenalpasti jurang di antara pihak berkepentingan dan industri
- Membincangkan piawaian dan dasar baru industri Sel Bahan Api
- Mengenalpasti aspek pembangunan modal insan yang dapat menyokong pertumbuhan industri; dan
- Merangka pelan pembangunan untuk industri Sel Bahan Api di Malaysia termasuk peluang pasaran dan mekanisme pembiayaan atau insentif

Ini akan menjadi satu titik permulaan untuk mengetengahkan tindakan yang perlu diambil dalam jangka masa pendek (5 tahun), jangka masa sederhana (15 tahun), dan jangka masa panjang (lebih 15 tahun). Bagi membolehkan sel-sel bahan api untuk bersaing dengan bahan api fosil, strategi utama yang telah dikenal pasti adalah:

- Teknologi
- P&P
- Pembiayaan dan Insentif Tenaga Baru
- Pembangunan Piawaian dan Dasar
- Persaingan Kos dan Peningkatan Pasaran
- Kesedaran dan Pembangunan Kapasiti

Rangka Tindakan ini dijangka siap pada tahun 2015.

HALAMANFAKTA

Kajian yang dilakukan oleh Chakraborty et al. (2000) dan Spence (2005) melaporkan pelepasan CO_2 di peringkat global telah meningkat 30%, manakala suhu pula telah meningkat sebanyak 0.3-0.6°C dalam abad ke-20. Pada masa kini, pembakaran arang batu yang digunakan dalam penjanaan elektrik dan petroleum yang digunakan untuk pengangkutan dikenal pasti sebagai dua sumber utama pelepasan CO_2.

SeKILAS

Sel bahan api merupakan peranti yang menukarkan tenaga dengan kecekapan yang tinggi dan pelepasan yang rendah atau sifar. Ianya semakin mendapat perhatian beberapa dekad kebelakangan ini berikutan permintaan tenaga yang tinggi, penyusutan bahan api fosil, dan pencemaran alam sekitar.

“While technology plays a vital role as a catalyst in transforming life and work in this new economy, it is imperative that we do not lose sight from its real concerns - to provide sustainable job opportunities and a better quality life. Technology is a mechanism of STI excellence. People should come first. Those are the things that need to be taken into consideration.”

YAB Dato’ Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia
Felo Kehormat, ASM

MEMPERKASA
KOMUNITI SAINTIFIK

ASM memperkasakan komuniti saintifiknya melalui Program STI.
Empat platform utama, iaitu pembangunan modal insan, konsortium sains,
pengantara dan fora perundingan disasarkan untuk memudahcara
elemen pengiktirafan, bakat dan pakatan kerjasama dalam lanskap STI.

Pembangunan **Modal Insan**

Selaras dengan agenda pembangunan negara. ASM sentiasa berusaha untuk memupuk bakat muda Malaysia dalam melahirkan saintis yang berwibawa. Sehubungan dengan itu, program latihan dianjurkan untuk menggalakkan pembangunan modal insan yang berdaya saing dan seterusnya mahir dalam bidang STI. Para peserta terdiri daripada saintis dari institusi pendidikan tinggi awam dan swasta tempatan dan antarabangsa, badan penyelidikan, agensi kerajaan dan juga syarikat swasta.



Program Latihan

ASM telah memulakan siri bengkel latihan antarabangsa *"Mathematical Modelling for Application"* bagi meningkatkan jumlah pakar dalam bidang ini. Ini merupakan latihan tambahan selain latihan lain yang dijalankan oleh Akademi.

Pembangunan Saintis Muda

Modal insan STI merupakan pemangkin kepada pembangunan sesebuah negara. Oleh itu, terdapat keperluan untuk membangunkan golongan saintis dan penyelidik muda yang bakal menjadi peneraju STI yang lebih berdaya saing di peringkat global pada masa hadapan. ASM bekerjasama dengan pusat kecemerlangan antarabangsa untuk membangunkan saintis muda berwibawa yang mampu memperoleh pengiktirafan antarabangsa dan menyumbang kepada pembangunan global STI.

Melalui kerjasama ini, saintis muda Malaysia berpeluang menimba ilmu pengetahuan yang berguna, disamping memperoleh pengalaman penyelidikan dan latihan yang sangat berharga dalam usaha mencapai kecemerlangan STI. Program ini dilaksanakan dalam pelbagai bentuk seperti lawatan sambil belajar, latihan industri dan program mentor-mentee.

CERN Summer Student Program (CSSP)

Program ini menawarkan peluang kepada mahasiswa dalam bidang Fizik, Pengkomputeran dan Kejuruteraan untuk menyertai pasukan penyelidik CERN dalam aktiviti teoritikal dan eksperimental di Geneva, Switzerland. Selain pengalaman penyelidikan yang diperolehi sepanjang program ini, mahasiswa juga berpeluang bekerja dalam persekitaran yang terdiri daripada pelbagai disiplin dan budaya.

Program ini memberi motivasi kepada mahasiswa untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang sains dan seterusnya membentuk jaringan kerjasama dengan rakan antarabangsa. Selain itu, mahasiswa juga berpeluang meneroka trend penyelidikan terkini dan keupayaan teknologi masa hadapan dalam bidang fizik.

9
Program Latihan

41
peserta agensi kerajaan

73
peserta Institusi Pendidikan Tinggi

37
peserta syarikat swasta

39
peserta organisasi penyelidikan

19
peserta antarabangsa

280
peserta *STI Management Training Course for Researchers in OIC Countries* sejak tahun **2005**

HALAMANFAKTA

- 40 peserta dari universiti dan institut penyelidikan tempatan termasuklah peserta *CERN Summer Student Program* telah menghadiri *National School on Nuclear and Particle Physics* di UM. Tujuan program ini adalah untuk melatih mahasiswa dalam teori asas bidang nuklear dan fizik zarah.
- Lee Chun Hao (UKM), Audiya Fatihah Wan Saffiey (UKM) dan Fatin Hazwani Hashim (USIM) telah terpilih untuk menyertai *CERN Summer Student Program 2014*.
- 9 pelajar telah menyertai *CERN Summer Student Program* sejak 2012.

SeKILAS

CERN ialah pertubuhan penyelidikan Eropah yang mengendalikan makmal fizik zarah terbesar di dunia. CERN terdiri daripada ahli fizik dan jurutera yang menjalankan penyelidikan asas alam semesta. Ditubuhkan pada tahun 1954, makmal CERN terletak di sempadan Franco-Swiss berdekatan Geneva. Ia merupakan salah satu kolaborasi terawal negara Eropah dan kini mempunyai 21 negara anggota.

IIASA Young Scientists Summer Program (IIASA YSSP)

International Institute for Applied Systems Analysis (IIASA) merupakan institut penyelidikan sains yang menjalankan penyelidikan berorientasikan polisi bagi menangani masalah global. Antara masalah dikenal pasti adalah perubahan iklim dunia, tenaga, sumber makanan dan air, serta kemiskinan dan ekuiti yang merupakan isu kompleks untuk diselesaikan bersendirian. YSSP adalah program tahunan yang dianjurkan oleh IIASA selama tiga bulan di Laxenburg, Austria. ASM merupakan wakil kebangsaan (NMO) sejak tahun 2011. YSSP menawarkan peluang unik untuk saintis muda Malaysia bagi menjalankan penyelidikan di bawah penyeliaan saintis IIASA yang berpengalaman. Dengan pasukan penyelidik dalam pelbagai disiplin, YSSP menggunakan pelbagai pendekatan eksperimental (simulasi) untuk memahami trend ekonomi atau lain-lain fenomena yang kompleks (seperti pencemaran, udara, air, tenaga) di mana penggunaan teknik analisis matematik semata-mata adalah tidak memadai. Selain itu, saintis muda tersebut memperoleh pengetahuan baru berkenaan teknologi maklumat terkini serta teknik pemodelan sosial dan ekonomi bersepadu.

HALAMANFAKTA

- Seramai 5 orang saintis muda Malaysia telah menyertai program ini sejak tahun 2011.
- Nur Aulia Rosni dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah terpilih untuk menyertai *IIASA Young Scientist Summer Program 2014* di bawah *Ecosystem Services and Management Program (ESM).*

Lindau Nobel Laureate Meeting

- Educate, Inspire & Connect

Sejak tahun 2004, 49 saintis muda Malaysia telah terpilih untuk menyertai *Lindau Nobel Laureate Meeting*. Mereka berpeluang bertemu dengan pemenang Anugerah Nobel dalam bidang Fizik, Fisiologi & Perubatan dan Kimia. Perjumpaan ini menawarkan platform dialog antara generasi dan merupakan saluran terbaik untuk menimba pengetahuan, memperkukuhkan jaringan kerjasama dengan pemenang Anugerah Nobel dan rakan saintis muda lain dari seluruh dunia. Saintis muda yang terpilih merupakan yang terbaik daripada institusi akademik dan penyelidikan daripada lebih 80 negara di dunia.

HALAMANFAKTA

- 3 saintis muda Malaysia (Dr Chau De Ming dari UPM, Ng Kim Tien dari UM and Jaslyn Soo Sian Siu dari UM) telah terpilih untuk menyertai *64th Lindau Nobel Laureate Meeting 2014.*
- 37 pemenang Anugerah Nobel berkumpul di Lindau bagi menghadiri *64th Lindau Nobel Laureate Meeting 2014.*
- *64th Lindau Nobel Laureate Meeting 2014* didedikasikan untuk disiplin Fisiologi/Perubatan and diadakan dari 29 Jun hingga 4 Julai 2014 di Lindau, Jerman. Delegasi Malaysia diketuai oleh Profesor Dato 'Dr Asma Ismail FASc, Naib Presiden ASM dan Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan untuk *Lindau Nobel Laureate Meetings with Young Scientists.*
- 600 saintis muda dari 80 negara telah menyertai program ini.

Penglibatan Sains

National Science Challenge

National Science Challenge (NSC) merupakan sebuah pertandingan sains yang direka untuk menggalakkan kefahaman, kesedaran dan penghayatan terhadap SET di kalangan pelajar sekolah menengah. Hadiah utama pertandingan ini termasuklah "Trofi Cabaran Perdana Menteri", lawatan sambil belajar ke Stockholm, Sweden dan peluang untuk menyaksikan Majlis Penyampaian Anugerah Nobel.

NSC dianjurkan oleh ASM dengan kerjasama Subsidiari ExxonMobil di Malaysia, KPM, YSN-ASM dan Universiti Putra Malaysia (UPM).





Peserta NSC di peringkat separuh akhir

Saintis Muda sebagai Pemimpin STI Masa Hadapan

YSN-ASM berfungsi menggembleng saintis muda Malaysia yang cemerlang ke arah satu wahana perundingan umum dengan matlamat:

- Mewakili suara saintis muda Malaysia dalam isu kebangsaan dan antarabangsa serta menyediakan platform bagi mempengaruhi keputusan polisi
- Memudahcara peluang jaringan kerjasama antara saintis muda dan senior untuk wacana ilmu dan pengalaman
- Melibatkan saintis muda dalam membincangkan isu kepentingan negara dengan menggunakan ilmu S&T melalui pendekatan pelbagai disiplin.
- Menggalakkan kerjaya dalam bidang sains sebagai kerjaya pilihan di kalangan belia untuk memastikan kemajuan dan kelestarian sains negara

Program utama YSN-ASM adalah:

- Jangkauan Sains
- Sains Kewartawanan
- Kepimpinan Penyelidikan
- Polisi Sains
- Jaringan Antarabangsa



Ahli YSN-ASM di *2014 Colloquium* bertema *Science Building Bridges*

11
ahli
Perubatan & Sains Kesihatan

7
ahli
Sains Kimia

8
ahli
Biologi, Sains Pertanian & Alam Sekitar

5
ahli
Matematik, Fizik & Sains Bumi

26
ahli
Kejuruteraan & Sains Komputer

57
ahli ***YSN-ASM***
sehingga kini

i-INOVA'14

Ekspo Inovasi Islam ke-5 2014 (i-INOVA'14) telah dianjurkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk mempromosi dan meningkatkan kesedaran berkenaan inovasi berasaskan Islam serta menggalakkan penciptaan produk inovatif.

2014 merupakan tahun kedua penglibatan ASM dalam i-INOVA'14 yang melibatkan penyertaan dari institusi pengajian tinggi dan institut penyelidikan tempatan dan antarabangsa. *ASM Innovation Award* diberikan kepada rekacipta terbaik bagi mengiktiraf penciptaan produk inovatif yang bermanfaat kepada negara. *ASM Innovation Award* telah dimenangi oleh Universiti Malaya menerusi penciptaan *'Multicore Flat Fibre'*.

HALAMANFAKTA

- Tema i-INOVA'14 adalah *'Commercialization of Innovation for Ummah Well-Being'*
- Pemenang – *Multicore Flat Fibre*
  - Meningkatkan kapasiti penghantaran gentian optik untuk meningkatkan kapasiti jalur lebar sehingga 6 kali dengan *crosstalk intercore* yang kurang daripada -74 dB.

Sciencebuzz.my

Sciencebuzz.my adalah sebuah portal yang menggalakkan minat dan penghargaan terhadap sains melalui penyampaian maklumat dalam bentuk yang ringkas dan mudah difahami. Portal ini mensasarkan golongan dewasa dan muda berumur 13- 40 tahun dan merangkumi kandungan berunsur tempatan seperti berikut:

- Artikel Bertema
  Artikel yang menerangkan sains dalam kehidupan seharian dan isu semasa berkaitan sains.
- *Faces of Science@my*
  Penampilan tokoh sains Malaysia yang memberikan inspirasi kepada rakyat melalui sumbangan mereka dalam bidang STI
- *Photo of the Day*
  Penerangan konsep sains ringkas melalui gambar
- *ScienceBuzz.my TV*
  Saluran khas yang memaparkan video bercirikan didik hibur serta maklumat sains yang ringkas dan menarik. (http://sciencebuzz.my/en/explore/sciencebuzzmy-tv)

SeKILAS

I'm a Scientist, Get Me Out of Here merupakan program realiti atas talian yang diadaptasi dari United Kingdom. Program ini menyediakan platform interaksi di antara murid dan saintis melalui perbualan bertema secara atas talian.

Pemenang bagi program ini adalah di kalangan saintis dan ditentukan oleh murid melalui undian atas talian.

32
artikel baru

22
artikel mengenai tokoh sains Malaysia

3
video dimuat naik di ***Sciencebuzz.my TV***

2
siri pertandingan ***Brainbuzzter*** (kuiz atas talian)

21
penyertaan untuk **pertandingan poster**

2
siri ***I'm a Scientist, Get Me Out of Here, Malaysia (IAS)'***
April: Zon Bumi & Zuhrah
November: Zon Musytari & Marikh
Penyertaan:
18 buah sekolah
437 murid
22 saintis

Sciencebuzz.my
mencatatkan

143, 518
pelawat unik

65, 312
pelawat umum

Social License

Penganjuran wacana umum ini adalah merupakan satu langkah proaktif ASM untuk mendekati dan mendidik masyarakat serta pihak berkepentingan mengenai isu kritikal yang berkaitan. Antara isu yang dikenalpasti adalah seperti tenaga bersih, kanser dan pembangunan modal insan STI.

Platform baru ini merupakan salah satu daripada strategi komunikasi sains yang membolehkan:

- Perkongsian maklumat
- Cetusan pendapat, keprihatinan dan idea

SeKILAS

Social License merujuk kepada tahap penerimaan masyarakat setempat dan pihak berkepentingan terhadap sebarang isu kritikal yang berkaitan.

Top Research Scientists Malaysia Round Table: *'Are You Delivering Value for Money?'*

Output dan *outcome* P&P yang tidak dapat diukur dan kurang dari segi pulangan pelaburan negara, merupakan isu yang mendapat perhatian utama negara pada masa kini.

Sehubungan dengan ini, satu perbincangan meja bulat melibatkan TRSM telah diadakan bagi mengenalpasti jurang, menangani isu dan seterusnya menyediakan saranan penyelesaian. Antara saranan diberikan adalah:

- Memperkukuh dasar yang merapatkan jurang di antara ahli akademik, industri dan pelbagai kementerian
  (cth. MOE, MOSTI, MOA);
- Membina pusat sehenti yang menghubungkan semua peneraju utama; dan
- Meningkatkan pengetahuan pekerja melalui program PhD industri memenuhi keperluan semasa dan seterusnya menyumbang kepada pengkomersilan produk P&P.

Pengiktirafan

Top Research Scientists Malaysia (TRSM)

Top Research Scientists Malaysia (TRSM) merupakan pengiktirafan kepada saintis penyelidik Malaysia. Ia merupakan usaha ASM untuk membina budaya kecemerlangan di kalangan komuniti saintifik negara. Setiap tahun, saintis penyelidik yang mempunyai sumbangan yang cemerlang bagi lima tahun kebelakangan di dalam bidang masing-masing diiktiraf sebagai saintis penyelidik unggul di Malaysia.

Tahun ini merupakan pusingan ketiga bagi pelaksanaan TRSM. Seramai 34 saintis penyelidik telah dianugerahkan sebagai TRSM pada 2014 yang menjadikan jumlah keseluruhan TRSM sebanyak 96.

ASM menyediakan pelbagai platform untuk para saintis TRSM seperti peluang akses kepada geran penyelidikan *top down*, fasilitasi bagi geran penyelidikan antarabangsa dan program latihan di pusat kecemerlangan antarabangsa untuk meningkatkan tahap penyelidikan mereka. Mereka juga dirujuk sebagai pakar dalam bidang masing-masing.

Pengkalan TRSM

751
pengguna berdaftar, merangkumi
64 pengguna umum
687 pemohon

2,287
jumlah pengguna berdaftar sejak 2012, merangkumi
194 pengguna umum
2093 pemohon

Data Lengkap

301
data

661
jumlah data sejak 2012

Bidang Kepakaran Utama Penerima TRSM 2012 - 2014



Anugerah dan Geran Penyelidikan

Anugerah dan geran penyelidikan adalah pengiktirafan kepada saintis tempatan dan antarabangsa bagi menggalakkan penyelidikan saintifik yang membawa kepada penciptaan dan penyelesaian kepada masalah tempatan dan global. Ini juga membolehkan Malaysia berada pada kedudukan yang strategik dalam arena saintifik global. Felo-felo ASM berkhidmat sebagai ahli panel penilaian dan pemantauan bagi pelbagai anugerah dan geran.

Mahathir Science Award

Mahathir Science Award Foundation (MSAF) menganugerahkan *Mahathir Science Award* dalam Pertanian Tropika, Perubatan Tropika, Sumber Asli Tropika dan Senibina dan Kejuruteraan Tropika.

Anugerah antarabangsa ini mengiktiraf sumbangan dan inovasi yang cemerlang terhadap penemuan baru dalam penyelidikan tropika atau penyelesaian inovatif yang membawa kesan positif terhadap kesejahteraan masyarakat.

MAKNA Cancer Research Award

Geran penyelidikan ini dianugerahkan kepada penyelidik muda Malaysia oleh Majlis Kanser Nasional (MAKNA) untuk menjalankan penyelidikan berkaitan kanser dan seterusnya meningkatkan penglibatan Malaysia dalam mencari penawar kanser. Dr Lim Yat Yuen dari Universiti Malaya, Norlaily Mohd Ali dari Universiti Tunku Abdul Rahman dan Kalaivani Muniandy dari USM telah terpilih sebagai penerima bagi MAKNA Cancer Research Award 2014.

Anugerah Saintis Muda Negara

MOSTI mengiktiraf sumbangan dan pencapaian saintis muda Malaysia dalam bidang penyelidikan dan pembangunan. Penerima Anugerah Saintis Muda Negara 2014 adalah Dr Lim Jit Kang dari USM.

Anugerah Juruteknologi Negara

Anugerah Juruteknologi Negara ini dianugerahkan kepada juruteknologi dan tenaga separa profesional seperti juruteknik dan pembantu makmal di atas sumbangan dan pencapaian mereka dalam bidang S&T. Anugerah Juruteknologi Negara 2014 telah dimenangi oleh Kasro Ahmad dari MARDI.

Permohonan Program Flagship, Peruntukan Khas Agensi dan *ScienceFund* di bawah Platform ASM

Program Flagship, Peruntukan Khas Agensi dan *ScienceFund* ditawarkan kepada agensi di bawah MOSTI untuk memudahkan pelaksanaan penyelidikan di agensi masing-masing. Sehubungan dengan ini, ASM menerusi Felo-felonya telah mengemukakan lapan kertas cadangan strategik yang seiring dengan bidang fokus ASM untuk pertimbangan pembiayaan.

HALAMANFAKTA

ANUGERAH

Mahathir Science Award
- 156 pencalonan diterima dari 25 buah negara (2005 – 2014)
- 8 penerima anugerah sehingga kini dengan jumlah hadiah bernilai RM 1,200,000
- 16 pencalonan diterima dari 10 buah negara (2014)

MAKNA Cancer Research Award
- 371 permohonan diterima (2001 – 2014)
- 41 penerima anugerah sehingga kini dengan jumlah geran bernilai RM 1,355,000
- 3 pemohon dianugerahkan geran bernilai RM30,000 setiap satu (2014)

Anugerah Saintis Muda Negara
- 3 saintis muda telah menerima anugerah (2012-2014)
- 36 pencalonan diterima dengan seorang penerima (2014)

Anugerah Juruteknologi Negara
- 10 pencalonan diterima dan seorang penerima (2014)

HALAMANFAKTA

GERAN PENYELIDIKAN

Program Flagship DSTIN oleh Felo ASM
- 2 kertas konsep dikemukakan kepada MOSTI
- 1 projek diluluskan oleh MOSTI - *Moving up the Value Chain and Environmentally Friendly Processes in silicon photovoltaic technology: Non-toxic Processes, Wafering and Crystal Growth*

Program Flagship MOSTI oleh Felo ASM
- 2 kertas konsep dikemukakan kepada MOSTI
  - *Disaster & Climate Change Extremes: An Integrated Research Framework for Malaysia*
  - *Developing a Plant Made Protein Sector for Malaysia – Efficient, Halal, Sustainable Technologies for the Production of Pharmaceutical Proteins*

Peruntukan Khas Agensi oleh Felo ASM
- 4 kertas konsep dikemukakan kepada MOSTI
- 1 projek diluluskan oleh MOSTI - *Development of Yeast System for Flavonoid Production*

Projek *ScienceFund* di bawah Platfom ASM
- 1 projek tamat pada Februari 2014
  - *Geopolymer Cement from Ground POFA by Alkali Activation Method.*
- 1 projek masih berterusan - *Time Dependent Changes of Morphology and Molecular Characterization Around the Intracerebellar Haemorrhage (ICbH) Penumbra in C57B6/J Mice Brain Slices.*

Pasukan Pemantauan Projek (PMT) di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10)

ASM telah dilantik sebagai Pasukan Pemantauan Projek (PMT) oleh MOSTI bagi memantau pelaksanaan projek R&D yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Felo ASM berkhidmat sebagai ahli Pasukan Pemantauan Projek (PMT).

Jawatankuasa Penilaian Strategik di bawah Klaster Teras S&T, MOSTI

ASM telah dilantik sebagai salah satu ahli Jawatankuasa Penilaian Strategik di bawah Klaster Teras S&T, MOSTI untuk menyemak keputusan penilaian teknikal bagi geran di bawah MOSTI. Cadangan daripada jawatankuasa ini akan dibentangkan kepada pihak pengurusan tertinggi MOSTI untuk kelulusan.

Tabung Amanah Penyelidikan Perubatan Dr Ranjeet Bhagwan Singh

ASM dipertanggungjawabkan oleh MOSTI untuk merancang dan menjalankan program di bawah Tabung Amanah Penyelidikan Perubatan Dr Ranjeet Bhagwan Singh. Tabung amanah ini menggalakkan penyelidikan dalam bidang perubatan dan bioperubatan di kalangan saintis muda Malaysia. Antara program yang dianjurkan dibawah tabung amanah ini adalah seperti geran penyelidikan perubatan dan bengkel penyelidikan. Pada tahun 2014, geran penyelidikan perubatan telah dianugerahkan kepada Dr Oon Chern Ein dari Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (INFORMM), Universiti Sains Malaysia.

HALAMANFAKTA

PMT di bawah RMKe-10
- 16 projek merangkumi:
  - 4 projek Program *Flagship*
  - 6 projek *TechnoFund*
  - 6 projek *Community Innovation Fund*

HALAMANFAKTA

Geran Penyelidikan Perubatan RBS
- 64 permohonan diterima (2014)
- 1 pemenang dianugerahkan geran berjumlah RM30,000 (2014)

Pengantara

Seorang saintis yang berjaya bukan sahaja bergantung kepada kecemerlangan dalam penyelidikan tetapi juga memerlukan sokongan rangkaian STI antarabangsa. Menyedari akan keperluan ini, ASM telah mengambil inisiatif dengan bertindak sebagai salah sebuah gerbang utama untuk saintis tempatan menempatkan diri mereka di peringkat antarabangsa. Ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada saintis Malaysia berkongsi ilmu pengetahuan, hasil penyelidikan, meningkatkan kepakaran, mewujudkan rangkaian kerjasama dan seterusnya memperkukuhkan lagi keupayaan saintifik dan teknologi.

Melalui platform ini, saintis muda Malaysia dapat berhubung dengan saintis antarabangsa dari 106 akademi sains dan 22 organisasi STI di seluruh dunia.

Kerjasama STI Antarabangsa

InterAcademy Partnership (IAP)

InterAcademy Partnership adalah merupakan platform kolaboratif di antara InterAcademy Council (IAC), InterAcademy Medical Panel (IAMP) dan InterAcademy Panel. Melalui rangkaian globalnya yang terdiri daripada 130 ahli, penubuhan IAP akan dapat memanfaatkan pengaruh serta kepakaran saintifik kesemua Akademi tersebut.

Sempena penubuhan IAP, satu perjanjian telah dimeterai pada bulan Mei 2014 untuk mengekalkannya sebagai organisasi induk. Rakan kerjasama sedia ada distruktur semula untuk menjadi lebih eksklusif dan fokus, pada masa yang sama mengekalkan identitinya, seperti berikut:

- *InterAcademy Panel* sebagai IAP for Science
- InterAcademy Medical Panel (IAMP) sebagai IAP for Health
- InterAcademy Council (IAC) sebagai IAP for Research

IAP juga berperanan mempromosikan kecemerlangan dalam pendidikan sains, terutamanya di sekolah rendah dan menengah. Ini dilaksanakan melalui pembaharuan dan pembangunan pendidikan sains menggunakan platform *IAP Science Education Programme (IAP-SEP).*

Antara aktiviti yang dijalankan:

1. *KAST-ASM-IAP International Workshop on Science Literacy: Science Communication and Science Outreach*
   - Bengkel ini bertujuan untuk membincangkan dan mencadangkan kaedah penambahbaikan literasi sains dalam membentuk pendidikan dan komunikasi sains yang efektif, terutamanya dalam bidang Sains, Kesihatan, Alam Sekitar dan Risiko (SHER), seterusnya meningkatkan kesedaran awam mengenai S&T
   - Penceramah utama, Academician Dato' Ir Lee Yee Cheong FASc, telah menyampaikan ceramah bertajuk *"Science, Engineering and Technology and the UN sustainable Development Goals 2016-2030".*
   - Sebanyak 100 orang peserta telah menghadiri bengkel ini. Ia juga melibatkan 18 orang penceramah dari pelbagai negara yang merupakan pakar dalam bidang komunikasi sains.

2. *IAP-SEP Biennial Conference on Challenges, Opportunities of IBSE / Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) Conference*
   - Persidangan ini merupakan acara penting IAP-SEP yang mengenalpasti IBSE sebagai pedagogi yang efektif dalam meningkatkan mutu pendidikan sains di sekolah.
   - Ianya dihadiri oleh 100 orang peserta dan penceramah yang terdiri daripada ahli *IAP-SEP Global Council* serta tenaga pakar dalam bidang IBSE, Teknologi Pendidikan, Penilaian dan Pencapaian Murid, Jangkauan Sains dan Masyarakat.
   - Persidangan ini diakhiri dengan deklarasi yang merumuskan semua isu berbangkit dan saranan supaya orientasi Pendidikan Sains beralih kepada Literasi Sains.
   - Pada masa yang sama, satu Mesyuarat *IAP-SEP Global Council* telah diadakan di mana draf Deklarasi Beijing telah diumumkan untuk edaran serta mendapatkan sokongan dari UNESCO.

HALAMANFAKTA

Mesyuarat *IAP-SEP Global Council 2015* akan diadakan di Hotel Istana, Kuala Lumpur dan dianjurkan oleh ASM.

SeKILAS

Felo Kanan ASM, Academician Professor Ulung Datuk Dr Looi Lai Meng FASc adalah merupakan Pengerusi Bersama IAMP. Antara isu yang diketengahkan di bawah kepimpinannya adalah seperti *"Antimicrobial Resistance"* dan *"Science for Poverty Eradication & Sustainable Development".*

The International Science, Technology and Innovation Centre for South-South Cooperation (ISTIC)

ISTIC di bawah naungan UNESCO telah dilancarkan pada tahun 2008. Antara agenda utama ISTIC adalah:

- Merangka polisi sains dan teknologi kebangsaan, implementasi dan pemantauan;
- Kawal selia infrastruktur;
- Latihan *Technopreneurship* untuk saintis dan penyelidik; dan
- Pendidikan STEM / IBSE.

Pada tahun 2014, ISTIC menganjurkan 6 program latihan dan menerbitkan 6 laporan.

International Council for Science (ICSU) Regional Offices

International Council for Science ataupun ICSU adalah merupakan sebuah organisasi bukan kerajaan yang berperanan memperkukuhkan sains antarabangsa demi kebaikan sejagat. Ini dilaksanakan ICSU dengan menggunakan sumber dan pengetahuan yang dimiliki oleh komuniti saintifik antarabangsa. Antara aktiviti yang dijalankan adalah:

- Kolaborasi Penyelidikan Antarabangsa
- Sains untuk Polisi
- Kesejagatan Sains

Rentetan daripada program flagship ASM, dua buah yayasan telah ditubuhkan sebagai entiti berasingan bagi mengurus dan menerajui program berkenaan. Yayasan tersebut adalah seperti berikut:

Mahathir Science Award Foundation (MSAF)

Yayasan ini menggalakkan kecemerlangan dalam penyelidikan sains tropika yang bermanfaat kepada negara tropikal dan komuniti global. Anugerah Sains Mahathir diberikan kepada para penyelidik yang telah membuat penemuan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam penyelidikan rintis tropika.

Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM)

Yayasan ini berperanan dalam mempromosikan dan membangunkan kerjasama nasional dan antarabangsa dalam penyelidikan serta konservasi rantau kutub, terutamanya di benua Antartika. Penyertaan Malaysia adalah penting untuk mengekalkan penglibatan Malaysia dalam penyelidikan Kutub dan seterusnya memperkukuhkan kemampuan penyelidikan dalam bidang sains global bersempadan.

Kerjasama Antara Malaysia & Maghribi Dalam Bidang Tenaga Boleh Diperbaharui dan Pendidikan Sains dan Matematik

Lanjutan daripada memorandum persefahaman yang telah ditandatangani antara ASM dan Hassan II Academy of Science and Technology (AHIIST) pada tahun 2010, kedua-dua negara amat berharap agar program kerjasama dalam bidang tenaga boleh diperbaharui dan pendidikan sains dan matematik dapat diwujudkan.

Delegasi Maghribi yang terdiri daripada dua kumpulan iaitu kumpulan tenaga dan kumpulan pendidikan telah berkunjung ke Malaysia. Delegasi telah mengenalpasti beberapa program kerjasama yang berpotensi bagi kedua-dua negara susulan dari bengkel, mesyuarat strategik dan lawatan kerja ke beberapa organisasi. Berikutan itu, AHIIST telah menjemput ASM ke Maghribi untuk mengukuhkan program kerjasama yang dikenalpasti.

ASM dan AHIIST telah mengenalpasti beberapa projek yang berpotensi untuk dilaksanakan oleh Malaysia dan Maghribi. Antaranya:

i) Tenaga
- Kerjasama penyelidikan
- Pertukaran pakar dan kepakaran
- Pertukaran kakitangan dan pelajar melalui dasar sedia ada
- Pemeriksa luar dan penyeliaan bersama

ii) Pendidikan
- e-kerjasama antara sekolah
